

A decorative border resembling a scroll, with a horizontal bar at the top and a vertical bar on the left. The top bar has a rounded right end and a small circular detail on the left. The vertical bar has a rounded bottom right corner and a circular detail on the left.

BAB

KEEMPAT

BAB KEEMPAT

PENGAJARAN SINTAKSIS BAHASA ARAB

DI SEK. AGAMA MEN. BESTARI J.A.I.S.

4.1 Pendahuluan

Penubuhan Sekolah Bestari di peringkat J.A.I.S. adalah sinonim dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M.) untuk mengadakan Sekolah Bestari. Bagi menyahut seruan itu, Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama daripada pihak J.A.I.S. telah mengorak langkah ke hadapan dengan membina sebuah kompleks institut pengajian yang diberi nama Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S.

Sukatan pelajaran yang diamalkan di sekolah tersebut adalah mengikut sukatan pelajaran K.P.M., dengan ada penambahan kurikulum Al-Azhar. Oleh itu, matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi (B.A.T.) atau Bahasa Arab Tinggi (B.A.T.) merupakan subjek yang mesti dipelajari oleh setiap pelajar sama ada di peringkat menengah atas atau menengah bawah.

Berdasarkan polisi tersebut, Sekolah Agama Menengah J.A.I.S. diwajibkan menjalankan P&P bagi kedua-dua peringkat di atas.Menengah rendah, iaitu tingkatan satu, dua dan tiga, manakala menengah tinggi pula, ialah para pelajar di tingkatanempat, lima, enam bawah dan enam atas.

4.2 Pengajaran B.Arab di Malaysia

Bahasa Arab secara umumnya telah diterima oleh masyarakat Islam di Malaysia, kerana sebagai seorang Islam pemahaman terhadap Bahasa Arab akan menambah lagi penghayatan mereka kepada ajaran-ajaran agama Islam.

Pengajaran bahasa Arab sebenarnya telah dilaksanakan di Malaysia semenjak lebih dari setengah kurun yang lalu, namun sejauh manakah keberkesanan dan pencapaiannya masih menjadi tanda tanya kepada banyak pihak. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara ini telah bermula sejak lebih dari 60 tahun yang lalu, semenjak tertubuhnya institusi pondok dan Sekolah Agama Rakyat (S.A.R).¹¹⁵

Bahasa Arab secara amnya telah bertapak di Tanah Melayu semenjak kedatangan agama Islam pada abad ke 15. Para pedagang Islam dari India, Arab dan China yang datang berniaga di Melaka telah menjalankan usaha-usaha mengembangkan ajaran agama Islam dan akhirnya Parameswara sebagai ketua pemerintahan kerajaan Negeri Melaka pada masa tersebut telah memeluk Islam dan menukar namanya kepada Megat Iskandar Shah.

Sejak dari itu bermula secara tidak langsung proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Tanah Melayu kerana bahasa Arab merupakan bahasa utama dalam agama Islam, terutamanya dari aspek ibadah seperti solat, haji, membaca Al-Quran

¹¹⁵ Unit Perkembangan Pelajaran Bahasa Arab, Kementerian Pendidikan : 1989

Al-Karim dan upacara-upacara agama yang lain seperti membaca doa, tahlil dan sebagainya.

Seterusnya proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terus berkembang dan mengalami banyak perubahan secara evolusi. Kesan dari itu bahasa Arab telah mendapat perhatian di kalangan masyarakat Islam dan telah diajar secara formal di institusi-institusi pengajian.

Pada masa tersebut, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya dari aspek sintaksis dan morfologi tidak menekankan kepada kemahiran-kemahiran utama seperti membaca, menulis dan bertutur.

Pelajaran sintaksis dan morfologi ialah untuk mempelajari selok belok bahasa Arab dan kaedah susunan dan jalan bahasanya. Ia tidak menitikberatkan bahasa Arab sebagai suatu bahasa asing, tidak diajar bagaimana membaca bahasa Arab sebagai bacaan, sebagai bahasa karangan dengan cara mengarang dan membuat ayat-ayat pendek, menyusun kata-kata sebagai percakapann bahasa bualan dan bahasa perhubungan.¹¹⁶

4.3 Selayang Pandang Sejarah Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S.

Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S USJ 5/3A, Subang Jaya Sel, telah siap pembinaan pada bulan Jun 1998. Pada awalnya pengambilan pelajar seramai 200 orang adalah secara pengambilan terus pelajar dari Sek. Agama Men. Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Seksyen 11, 40000 Shah Alam, Selangor. Pengambilan pelajar pada

¹¹⁶ Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan. Hlm204.

tahun-tahun seterusnya dibuat secara pilihan di mana para pelajar yang terbaik di dalam pencapaian U.P.S.R., U.P.S.R.A. dan P.M.R. akan ditawarkan oleh J.A.I.S. memasuki Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S.¹¹⁷

Sek. Agama Men. J.A.I.S. adalah sekolah agama yang melaksanakan orientasi sekolah beraliran sains. Pelaksanaan proses P&P sama dengan sekolah-sekolah menengah agama lain tajaan J.A.I.S. Matapelajaran-matapelajaran bahasa Arab diwajibkan ke atas setiap pelajar. Untuk memperkemaskan sistem pengurusan, J.A.I.S. telah mengorak langkah ke hadapan dengan melaksanakan sistem Kawalan Kualiti yang dinamakan sebagai MS ISO 9002. Satu komuniti khas telah diwujudkan bagi membantu J.A.I.S. melaksanakan dan memantau pentadbiran sekolah dan semua rekod-rekod sekolah supaya sentiasa dikemaskini.

Sek. Agama Menengah Bestari J.A.I.S. telah menempa nama baik di peringkat kebangsaan kerana telah berjaya menjadi salah sebuah sekolah cemerlang dalam peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (S.P.M), dengan pencapaian kelulusan 100% dan menduduki tempat ke 34 di antara senarai sekolah-sekolah cemerlang pada tahun 2001. Sehingga kini ramai lepasan dari sekolah ini telah melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi (I.P.T) sama ada di U.I.A.M, U.M, U.K.M, U.U.M, U.S.M, Ui.T.M dan lain-lain lagi atau luar negeri seperti Universiti Ain Syam, Cairo, Republic Arab of Egypt dalam bidang perubatan. Ada di antara mereka yang melanjutkan pelajaran ke Jepun dan Korea dalam bidang kejuruteraan dan Uaikreain dalam bidang perubatan.¹¹⁸

¹¹⁷ Temubual Pengetua S.A.M. Bestari. 2003.

¹¹⁸ Temubual GPK (1). 2003.

4.4 Pengajaran Bahasa Arab di Sek.Agama Men. Bestari J.A.I.S.

Matapelajaran bahasa Arab merupakan subjek yang wajib diambil oleh setiap pelajar di sekolah-sekolah agama tajaan J.A.I.S. sama ada di peringkat rendah atau menengah. Oleh itu, Sek.Agama Men. Bestari juga tidak terlepas dari dasar tersebut dan para pelajar dikehendaki mengambil matapelajaran Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi sebagai salah satu subjek wajib dalam persijilan peperiksaan P.M.R., S.M.A. dan S.P.M.

Di Sek. Agama Men. Bestari JAIS terdapat lapan orang tenaga pengajar yang mengajar bahasa Arab dan mereka mempunyai latar belakang yang berbeza dari institusi pendidikan tinggi, iaitu:

Jadual 1. Statistik Institut Pengajian Tinggi bagi Guru

Bil	Institut Pengajian Tinggi	Jumlah
1	Universiti Al-Azhar, Republic Arab of Egypt.	5
2	Universiti Al-Bayt, Jordan	1
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	1
4	Universiti Putra Malaysia	1

Di antara para tenaga pengajar tersebut hanya 2 guru sahaja siswazah dari Fakulti Bahasa Arab dan selainnya dari pelbagai fakulti yang berbeza-beza seperti Fakulti Syari'ah, Usuluddin dan Dirasah Islāmiyyat.

Selain dari itu, status para tenaga pengajar bahasa Arab di sekolah ini juga berbeza-beza, iaitu sebahagian daripada mereka mempunyai ikhtisas Diploma Pendidikan dan

sebahagiannya tidak. Bagi tenaga pengajar yang mempunyai Diploma Pendidikan mereka terbahagi kepada dua, iaitu Guru Tetap (G.T) dan Guru Sandaran Terlatih (G.S.T), manakala bagi guru yang tiada Diploma Pendidikan status mereka adalah Guru Sandaran Tidak Terlatih (G.S.T.T).

Jadual 2. Statistik Status Guru

Bil	Status Jawatan	Jumlah Guru
1	Guru Tetap	2
2	Guru Sandaran Terlatih (G.S.T)	3
3	Guru Sandaran Tidak Terlatih (G.S.T.T)	3

Daripada kajian dan pemerhatian yang dijalankan oleh penulis, didapati secara umumnya guru-guru bahasa Arab mengajar menggunakan metod mereka tersendiri yang berbentuk strategi gabungjalın. Mereka lebih suka menggunakan pendekatan tersebut kerana didapati strategi itu lebih efektif. Selain dari itu, terdapat sebahagian daripada mereka yang menggunakan pendekatan pengajaran secara terjemahan.

Dari aspek Bahan Bantu Mengajar (B.B.M) pula, didapati kebanyakan mereka tidak menggunakan bahan bantu mengajar dalam proses P&P di dalam kelas, mereka lebih bergantung kepada buku teks dan buku-buku kerja. Penulis berpendapat sebab utama berlakunya fenomena ini ialah terdapat kekangan masa dan komitmen guru terhadap kerja-kerja sampingan yang banyak. Guru-guru terpaksa membahagikan masa mereka untuk membuat kerja-kerja dan tugas yang diamanahkan oleh pihak sekolah seperti tugas warden asrama, kurikulum, ko-kurikulum, kursus dalaman dan luaran dan sebagainya. Hal ini memberi kesan kepada guru untuk menyediakan bahan-bahan bantu mengajar yang memerlukan penumpuan tenaga dan masa diluar waktu mengajar.

Strategi lain yang diamalkan oleh para tenaga pengajar bahasa Arab di sekolah ini ialah membuat taqvim Rancangan Pengajaran Tahunan (R.P.T) bagi setiap tingkatan. Konklusi daripada R.P.T tersebut didapati Panitia Bahasa Arab telah mengarahkan supaya sukatan pelajaran bahasa Arab bagi tingkatan satu, dua dan empat mesti dihabiskan pada akhir bulan September, manakala bagi tingkatan tiga dan lima pada akhir bulan Julai. Keadaan ini dirancang bagi membolehkan setiap guru membuat latihan dengan lebih kerap dan mantap.

Selain dari itu juga, pihak Panitia Bahasa Arab telah berusaha mengadakan seminar peperiksaan, bengkel-bengkel, kelas tambahan dan program-program persatuan. Penggunaan kemudahan I.C.T. di kalangan guru boleh dikatakan lemah, kerana mereka lebih kerap mengajar di dalam kelas berbanding di makmal komputer. Penulis berpendapat fenomena ini berlaku kerana beberapa sebab berikut:

- i. Kekurangan kemahiran aplikasi I.C.T.
- ii. Masalah komputer yang sering mengalami kerosakan software.
- iii. Sering berlaku over-lap dengan guru lain
- iv. Kekurangan perisian komputer Arab – Jawi

Dari sudut taburan masa pengajaran dan pembelajaran bagi bahasa Arab yang diperuntukan oleh pihak sekolah kepada tenaga pengajar bahasa Arab dalam seminggu seperti berikut :

Jadual 3. Statistik Pembahagian Masa mengikut Matapelajaran Seminggu ¹¹⁹

Bil	Matapelajaran	Tingkatan	Jumlah Masa	Jumlah Jam
1	B.Arab Tinggi	5	5 masa	2.30 jam
2	B.Arab Tinggi	4	3 masa	1 .30 jam
3	B.Arab Komunikasi	1,2 & 3	4 masa	2 jam
4	B.Arab Al-Azhar	1,2,3 & 4	4 masa	2 jam

Daripada jadual di atas terdapat perbezaan pembahagian masa yang ketara dalam matapelajaran bahasa Arab Tinggi di antara tingkatan 4 dan 5, ini kerana tingkatan 4 tidak menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M), oleh itu, masa bagi tingkatan 4 dikurangkan sedikit berbanding dengan tingkatan 5. Walaubagaimana pun, masa bagi matapelajaran Bahasa Arab Al-Azhar ditambah kepada 4 masa seminggu, kerana pelajar-pelajar tingkatan 4 akan menghadapi peperiksaan Sijil Menengah Agama (S.M.A) yang dibawah penyeliaan J.A.I.S.

Klasifikasi bagi topik-topik yang terdapat dalam setiap matapelajaran seperti berikut :

- i.. Bahasa Arab Tinggi.
 - a.. Insyak & Muṭala’ah
 - b. Nahu & Ṣarf
 - c. Balaghah
 - d. Hikam wa Al-Amthāl
 - e. Terjemahan
 - f. Meringkas karangan
- ii.. Bahasa Arab Komunikasi.
 - a. Insyak & Muṭala’ah
 - b. Nahu & Ṣarf

¹¹⁹ Fail Jadual Waktu Guru G.P.K.1.2003

- iii. Bahasa Arab Al-Azhar.
 - a. Insyak & Şarf
 - c. Terjemahan
 - d. Meringkas karangan

Buku-buku teks yang digunakan oleh guru-guru bahasa Arab didapati dari dua sumber, iaitu:

- i. Buku Teks Kementerian Pendidikan untuk sukatan K.B.S.M.
- ii. Buku Mudhakkirat dari J.A.I.S untuk sukatan Al-Azhar.

Amalan komunikasi menggunakan bahasa Arab ketika mengajar di kalangan guru boleh dikatakan sederhana, kerana guru tidak mengaplikasikan sepenuhnya. Penulis melihat perkara ini berlaku bukan kerana kelemahan di pihak guru, tetapi masalah yang dihadapi oleh mereka ialah:

- i. Murid tidak menguasai bahasa Arab dengan baik
- ii. Murid tidak akan faham dengan baik sekiranya huraian dibuat menggunakan bahasa Arab sepenuhnya
- iii. Tiada suasana motivasi ke arah penggunaan bahasa Arab
- iv. Murid kurang berminat dengan bahasa Arab kerana B. Arab dianggap matapelajaran tidak penting dalam peperiksaan S.P.M & P.M.R.

Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang efektif adalah bergantung kepada kaedah-kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar. Seseorang guru yang bijak akan mencari teknik dan cara pendekatan yang sesuai dengan muridnya supaya pengajarannya berkesan dan mencapai matlamat. Kaedah serta teknik yang digunakan oleh seseorang guru dengan guru yang lain mungkin berbeza mengikut tahap

kecerdikan dan maklumat am yang telah sedia ada pada pelajar. Selain daripada perbezaan minda pelajar yang menentukan kaedah serta teknik Pengajaran dan Pembelajaran sintaksis bahasa Arab, aspek-aspek lain juga turut menyumbang kepada berlakunya perbezaan ini seperti kelengkapan prasarana, keprihatinan ibu bapa, kewibawaan guru dan situasi sekolah dari segi keceriaan dan kebersihan yang membantu mewujudkan motivasi pelajar secara tidak langsung.

Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S merupakan sebuah sekolah yang mempunyai kelengkapan prasarana multimedia yang lengkap. Guru-guru dibekalkan dengan kemudahan komputer di Bilik Guru dan Pengetua, GPK 1, GPK HEP dan Penyelaras Amal Islami juga dibekalkan dengan kemudahan komputer. Untuk kemudahan pelajar pula, disediakan tiga buah makmal komputer yang lengkap, bilik Library Digital, bilik simulasi dan bilik printing tugas sekolah. Guru-guru dan para pelajar diberi kebebasan untuk menggunakan kemudahan makmal komputer secara berjadual di bawah pemantauan unit Information of Technogy S.A.M. Bestari J.A.I.S . Unit I.T. ini pula dibantu oleh Pengawas Media (*Cyber Scuard*) yang terdiri daripada para pelajar yang dipilih.

Para pelajar dibolehkan membuat sebarang tugas (*assingment*) dengan menggunakan komputer sama ada tugas itu dicetak atau melalui disket. Guru-guru mata pelajaran pula dikehendaki menilai dan memeriksa hasil tugas anak-anak murid mereka. Tenaga pengajar pula digalakkan menggunakan kemudahan multimedia yang disediakan. Ini bermaksud penggunaan komputer sebagai alat bantu mengajar amat digalakkan di Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S.

Pihak sekolah juga telah melaksanakan beberapa kursus atau bengkel dalaman (inhouse training) untuk para guru. Kursus ini dikendalikan oleh unit I.T. dan para tenaga pengajarnya atau fasilitator terdiri daripada guru-guru S.A.M. Bestari J.A.I.S. yang mahir dan mempunyai pengalaman pengendalian komputer secara profesional.

4.5 Pengajaran Sintaksis di Sek.Agama Men.Bestari J.A.I.S.

Pengajaran sintaksis bahasa Arab SAM Bestari J.A.I.S. tidak ketinggalan di dalam arena kemajuan peralatan elektronik. Panitia Bahasa Arab Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S telah berusaha membeli, mengumpul dan membina program-program asas sintaksis bahasa Arab untuk tingkatan satu, dua, tiga, empat dan lima. Setakat ini pembikinan asas program sintaksis bahasa Arab hanya menggunakann program Power Point. Setiap bahan yang dikumpulkan akan dinilai terlebih dahulu oleh Panitia Bahasa Arab Sek.Agama Men. Bestari J.A.I.S. Di dalam proses membina perisian pengajaran sintaksis bahasa Arab, pembahagian tugas dijalankan dan setiap guru bahasa Arab yang mengajar diberikan beberapa tajuk untuk diselesaikan. Walaupun usaha dan tugas ini agak berat serta membebankan, namun ia dilakukan secara berkumpulan dan setiap guru bahasa Arab sebenarnya bertanggungjawab membantu di antara satu sama lain. Begitu juga dengan pihak I.T. akan sentiasa memberikan kerjasama dari segi teknikal dan kerja yang bersepadu akan menghasilkan natijah yang baik dan positif.¹²⁰

¹²⁰ Kenyataan Ketua Panitia Bahasa Arab SAM Bestari JAIS 2003

4.5.1 Data Maklumat Instrumen dan Tajuk Pengajaran Sintaksis B.Arab S.A.M.Bestari.

Pengajaran sintaksis bahasa Arab di Sek.Agama Men. Bestari J.A.I.S tidak mempunyai data maklumat yang tersusun dengan lengkap dan khusus untuk dijadikan bahan rujukan. Di atas dasar ini penulis terdorong untuk membuat kajian dan menyediakan kepada pihak tertentu satu data maklumat yang boleh digunakan sebagai rujukan.

Data maklumat pengajaran sintaksis di S.A.M. Bestari dapat diklasifikasikan seperti berikut:

a. Buku Teks.

Buku teks yang digunakan oleh guru dan murid terbahagi kepada dua, iaitu Buku Teks Sukatan K.B.S.M. dan Buku Teks Sukatan Al-Azhar.

Sukatan K.B.S.M.:

- i. Ting 1,2&3 : Buku Teks B.Arab Komunikasi
- ii. Ting 4 : Buku Teks B.Arab Tinggi
- iii. Ting 5 : Buku Teks B.Arab Tinggi

Sukatan Al-Azhar:

- i. Ting 1,2,& 3 : Mudhakkirat Nahu li saffil Awwal
- ii. Ting 4 : Mudhakkirat Nahu al-'Idadi

Sumber Pendidikan I.C.T. seperti perisian dan program-program tidak terdapat dengan banyak kerana terdapat beberapa kekangan seperti kewangan, tiada kepakaran

membina perisian, kekurangan kelengkapan I.C.T dan kekurangan bahan-bahan tersebut di pasaran luar. Hanya terdapat satu sahaja bahan perisian I.C.T. untuk pengajaran sintaksis bahasa Arab, iaitu program Nahu wa Şarf CD 1&2 keluaran Syarikat Al-Saqr.Sdn. Bhd. Walaubagaimana pun, bahan-bahan pengajaran bahasa Arab secara umum telah banyak dibeli dan disediakan oleh pihak sekolah.

Terdapat banyak topik-topik pengajaran ilmu sintaksis yang mesti dihabiskan sukatan nya oleh setiap guru bahasa Arab sebelum akhir tahun.

Klasifikasi topik-topik mengikut tingkatan seperti berikut:¹²¹

a. Ting 1.

i. Bahasa Arab Komunikasi

الكلمة و الجملة وأقسامهما	المذكر والمؤنث	المفرد والمتنى والجمع
اسماء النكرة والمعرفة	الجملة الاسمية والفعلية	فعل الماضى والمضارع والأمر
الأفعال والضمائر	حرف الجر	

ii. Bahasa Arab Al-Azhar

الكلمة و الجملة وأقسامهما	الأفعال	المذكر والمؤنث
الاسم الظاهر والإضمار	الضمائر	الاسم باعتبار عدده
أنواع الخبر	المفعول به	المبتدأ والخبر
الأفعال الخمسة	كان وأخواتها	إعراب المتنى
		إعراب جمع المذكر السالم
		إن وأخواتها

¹²¹ Fail Panitia B.Arab SAM Bestari.2003.

b. Ting 2.

i. Bahasa Arab Komunikasi

المذكر	المؤنث	الضمانر
الظرف	الجملة الاسمية	الجملة الفعلية

ii. Bahasa Arab Al-Azhar

اجزاء الكلام	علامات الاسم	علامات الفعل
أقسام اللفظ	أقسام المركب	الإعراب
ظهور الإعراب في الأسماء	تقدير الإعراب من الأسماء	ظهور الإعراب في الأفعال
تقدير الإعراب من الأفعال	علامات البناء	علامات البناء في الأفعال
أنواع إعراب الاسم	أنواع إعراب الفعل	تقسيم الاسم
الممنوع من الصرف وإعرابه	علامات الأفعال	أحكام الأفعال
حكم الفعل المضارع	إعراب الأفعال الخمسة	حكم فعل الأمر
النكرة والمعرفة	أقسام المعرفة	أقسام الأفعال
نائب الفاعل	المبتدأ والخبر	كان وأخواتها
كاد وأخواتها	إن وأخواتها	ظن وأخواتها

c. Ting 3.

i. Bahasa Arab Komunikasi

المعرفة والنكرة	الاسم المعرب والمبني	الاسم المفرد والمثنى والجمع
الجملة الاسمية والفعلية	شبه الجملة	المبتدأ والخبر
اسم "كان" وأخواتها	اسم "إن" وأخواتها	الفعل ونائبه
التنعت والمنعوت	اسم الإشارة والموصول	المبني من الأفعال والأسماء
البديل والمبدل منه	العطف والمعطوف منه	المفعول به
المفعول المطلق	المفعول لأجله	المفعول فيه
المفعول معه	المستثنى	الحال وصاحب الحال
المنادى	التمييز وأنواعه	

ii. Bahasa Arab Al-Azhar

المفعول المطلق	المفعول لأجله	المفعول به
المفعول معه	الحال	التمييز
المنادى	المجرورات	الاستثناء

d. Ting 4.

i. Bahasa Arab Tinggi

النكرة والمعرفة	اسم الإشارة و الموصول	المبنى من الأفعال
المبنى من الأسماء	المعرب من الأسماء	المبتدأ والخبر
الفاعل ونائبه	كان وأخواتها	إن وأخواتها
الفعل ولوزانه	الفعل اللازم والمتعدى	الجامد والمشتق
المصادر للأفعال المزيدة		

ii. Bahasa Arab Al-Azhar

أقسام الكلمة وعلامتها	أنواع الفعل وعلاماته	المعرب والمبنى من الأسماء
المعرب والمبنى من الأفعال	أنواع الإعراب	الأسماء الخمسة
المتنى	جمع المذكر	جمع المؤنث
الممنوع من التثوين	الضمير	الصلة والموصولة

e. Ting 5

i. Bahasa Arab Tinggi

إفراد الفعل مع الفاعل	تأنيث الفعل مع الفاعل	الأفعال المتعدية للمفعولين
الخبر وأنواعه	تقديم الخبر على المبتدأ	إن وأخواتها
النعت السببي	التوكيد	البدل
الحال	الإستثناء	المفعول فيه
المفعول معه	المفعول لأجله	المنادى
المجرورات	التمييز وأنواعه	عوامل النصب والجزم

4.5.2 Metodologi Pengajaran Sintaksis Bahasa Arab di S.A.M. Bestari.

Umum menganggap bahawa untuk menguasai ilmu sintaksis bahasa Arab adalah amat sukar kerana ia mempunyai banyak kaedah dan perubahan-perubahan pada perkataan tersebut (al-i'rab).

Apabila disebut istilah nahu, ada yang memahaminya atau pun membayangkannya sebagai satu ilmu yang hanya menekankan perubahan baris akhir perkataan. Ada pula yang memahaminya sebagai i'rab dalam bentuk yang tertentu dan secara detail.¹²²

Guru-guru bahasa Arab bersama Panitia Bahasa Arab SAM Bestari telah melaksanakan program Projek Cemerlang (Star Project), iaitu dengan memilih pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan dalaman. Mereka diasuh dan dibimbing dengan serius untuk mendapat keputusan terbaik di dalam peperiksaan sebenar S.P.M dan P.M.R. Walaupun perkara ini nampak tidak adil, namun penulis berpendapat untuk memastikan keseluruhan pelajar mendapat keputusan terbaik seperti IA adalah sukar. Oleh itu, langkah melatih pelajar yang berpotensi adalah satu langkah positif.

Peperiksaan Percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M) telah dijalankan dan didapati sebahagian pelajar mendapat keputusan baik dan sebahagian lagi sederhana dan gagal. Pihak Panitia Bahasa Arab telah mengambil inisiatif dengan memilih pelajar yang

¹²² Dasar-Dasar Utama Pengajaran Nahu Arab Di Malaysia. 2002:2.

mendapat 1A,2A dan 3B untuk mengikuti Bengkel Kecemerlangan, manakal pelajar yang mendapat keputusan 7C dan 8E mengikuti Bengkel Pemulihan. Bagi pelajar gagal yang mendapat 9G, mereka akan dibimbing secara khusus oleh guru matapelajaran bahasa Arab.

Penampilan guru yang cemerlang akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan pelajar akan dapat memahami pengajaran guru. Dalam perkara ini, seseorang guru perlu melihat dan mengkaji kelemahan-kelemahan anak didiknya dan sebagai persediaan awal mereka harus mengetahui teori-teori atau kaedah-kaedah pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab.

Terdapat tiga kaedah utama pengajaran nahu sebagaimana yang disebut dalam buku-buku kaedah pengajaran bahasa seperti berikut:

i. Kaedah diduktif (qiyāsiyyat)

Kaedah ini ialah dengan membawa kaedah terlebih dahulu dan kemudiannya diikuti dengan contoh.

ii. Kaedah induktif (istīnāṭiyyat).

Kaedah ini ialah dengan membawa contoh dahulu dan kemudiannya diikuti dengan kaedah

iii. Kaedah mu'ādalat.

Kaedah ini merupakan penyesuaian kepada kedua-dua kaedah, iaitu berdasarkan kepada teks yang dibaca dan difahami oleh pelajar. Kemudian ayat-ayat tersebut merupakan contoh kepada tajuk nahu yang hendak diajar dan dikeluarkan kaedah nahu daripada contoh tersebut.

Dari aspek metod dan approach guru, kebanyakan mereka menggunakan pendekatan tersendiri dan mereka lebih cenderung kepada metod gabungjalın.

4.5.3 Strategi Pengajaran dan Jadual Waktu Mengajar.

Para tenaga pengajar bahasa Bahasa dengan kerjasama Panitia Bahasa Arab SAM Bestari telah merancang pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dirumus di dalam taqwm Rancangan Pengajaran Tahunan (R.P.T). Manakala pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran secara harian atau mingguan dirum'us di dalam buku Rancangan Pengajaran Harian (R.P.H), di mana R.P.H. adalah perincian kepada pelaksanaan R.P.T.

Pihak sekolah telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kursus dalaman kepada guru-guru dan kakitangan sokongan sekolah mengenai Pembelajaran Bestari, iaitu pada setiap hari Jumaat di bilik simulasi atau makmal komputer, bermula pada pukul 8.00 pagi sehingga 9.00 pagi secara berkumpulan. Kursus tersebut dikendalikan oleh guru-guru yang telah mengikuti Kursus Pembestarian selama 14 minggu yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru-guru tersebut dibantu oleh komuniti cyber S.A.M. Bestari J.A.I.S.

Untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, pihak sekolah telah melaksanakan sistem MS ISO 9002. Dengan adanya sistem ini, pihak sekolah akan dapat mengesan ketidakberkesanan dan kelemahan yang ada dan akan mengambil langkah yang sewajarnya. Guru juga telah melaksanakan pelbagai latihan tubi, sama ada dari buku-buku kerja, buku teks atau latihan yang dibina hasil dari daya usaha guru tersebut.

Selain dari itu, untuk lebih memantapkan profesyen perguruan, para guru telah mengikut pelbagai kursus dan seminar yang dianjurkan oleh pihak JAIS.

Di antara kursus-kursus yang telah diikuti oleh para guru seperti berikut:¹²³

- i. Bengkel Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bestari, anjuran JAIS pada 31 Mei hingga 4 Jun 1999.
- ii. Seminar Pedagogi dan Penilaian Mata Pelajaran B.Arab Sekolah Agama Menengah JAIS, anjuran JAIS pada 21 hingga 23 September 2001
- iii. Kursus Guru Pendidik Mithali anjuran JAIS, pada 5 hingga 7 April 2002
- iv. Kursus Asas Teknologi Maklumat dan Komunikasi (I.C.T) anjuran JAIS, pada 19-21 April 2002.

Selain dari itu, untuk peringkat dalaman pula para guru telah menyusun program Gerak Gempur untuk mata pelajaran bahasa Arab, terutamanya kelas-kelas yang menghadapi peperiksaan P.M.R, S.M.A dan S.P.M. Program ini dijalankan setelah semua sukatan mata pelajaran selesai diajar, para pelajar akan diuji mengenai kefahaman dan penguasaan mereka terhadap semua matapelajaran termasuk bahasa Arab. Program tersebut dikendalikan oleh Penyelaras Program Gerak Gempur S.A.M. Bestari J.A.I.S.

Latih tubi topikal yang dijalankan secara berterusan merupakan salah satu strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru dalam proses P&P. Latih tubi dijalankan mengikut tajuk-tajuk yang ditelaah diajar. Ia dilaksanakan bagi memastikan bahawa pelajar benar-benar faham dengan tajuk yang telah diajar oleh guru. Apabila pelajar dapat menjawab atau menyelesaikan masalah yang diberi dalam latihan, maka ia

¹²³ Fail Guru Penolong Kanan I (GPK I). 2003.

menunjukkan bahawa pelajar itu telah dapat menguasai tajuk tersebut. Untuk mengukuhkan lagi penguasaan pelajar dalam bahasa Arab, khususnya dalam peperiksaan yang besar seperti SPM, SMA dan PMR, maka guru-guru telah melaksanakan latihan secara berkala bermula pada awal bulan Ogos kepada tarikh peperiksaan bagi SPM dan PMR, manakala bagi peringkat SMA latihan berkala akan bermula pada bulan September sehingga tarikh peperiksaan.

Seterusnya para guru mengadakan ujian bulanan topikal, iaitu ia dijalankan sebulan sekali dan format soalan untuk ujian. Ini merangkumi beberapa tajuk yang telah diajar oleh guru dalam bulan tersebut. Dari sudut penjadualan waktu pula, setiap guru akan dibekalkan dengan jadual matapelajaran masing-masing yang disediakan oleh Guru Penolong Kanan 1 (G.P.K 1) setelah guru-guru melengkapkan Borang Opsyen Matapelajaran mengikut Prosedur MS ISO 9002. Ketua Panitia Bahasa Arab akan mencadangkan kepada GPK 1 mengenai masa mengajar dan bilangan guru yang diperlukan untuk matapelajaran bahasa Arab.

Oleh yang demikian, guru dikehendaki menggunakan peruntukan masa yang diberi dengan sebaik mungkin untuk mengajar semua topik-topik bahasa Arab dan berusaha sedaya upaya supaya pelajar dapat menguasai dengan baik. Strategi yang diamalkan oleh guru bahasa Arab di SAM Bestari JAIS ialah dengan memberikan peruntukan masa yang lebih kepada tingkatan yang menghadapi peperiksaan utama, seperti SPM dengan 5 masa dan PMR dengan 4 masa seminggu. Manakala bagi peperiksaan SMA tiada peruntukan penambahan masa, ia diberi hanya 3 masa seminggu.

4.6 Analisis Data

Hasil dapatan kajian yang akan dibentangkan oleh penulis adalah berdasarkan kepada interview, data maklumat yang diperolehi dari pihak sekolah dan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden atau subjek. Kesemua hasil kajian berdasarkan kepada markah yang diperolehi oleh subjek, seterusnya ditukar dalam bentuk peratus dan disusun dalam jadual.

Strategi pengajaran dan pembelajaran akan dinilai dan dirumuskan melalui maklumat-maklumat yang didapati dari borang soal selidik 1 dan 2 yang telah dijalankan ke atas dua subjek utama, iaitu:

- i. Guru
- ii. Murid

4.6.1 Soal Selidik 1(Guru)

Soal Selidik 1 diedarkan kepada para tenaga pengajar bahasa Arab di Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S. Berdasarkan kepada kajian ini, kesemua tenaga pengajar bahasa Arab seramai 8 orang akan dilibatkan secara langsung dan dijadikan sebagai subjek kepada kajian ini. Melalui Soal Selidik 1, pengkaji akan mengklasifikasikan subjek kepada tiga kategori utama, iaitu :

- i. Maklumat peribadi subjek.
- ii. Maklumat pengajaran sintaksis bahasa Arab.
- iii. Maklumat sumber pengajaran dan pembelajaran.

Berikut dinyatakan secara terperinci bagi perkara di atas hasil dari dapatan kajian yang telah dijalankan oleh penulis:

i. Maklumat peribadi subjek.

Jadual 4. Taburan subjek mengikut jantina.

Bil	Jantina	Bil. Subjek	Peratus
1	Lelaki	5	62.5%
2	Perempuan	3	37.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 4 menunjukkan dengan jelas kuantiti subjek lelaki lima orang (62.5%) mengatasi subjek perempuan seramai tiga orang (37.5%). Ini menunjukkan bahawa guru lelaki bagi mata pelajaran bahasa Arab di S.A.M. Bestari J.A.I.S. lebih ramai berbanding guru wanita.

Jadual 5. Taburan subjek mengikut umur.

Bil	Umur	Bil. Subjek	Peratus
1	25 - 30	4	50 %
2	31 – 35	2	25 %
3	36 – 40	1	12.5%
4	41 – 45	1	12.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 5 menunjukkan subjek yang berumur antara 25-30 seramai 4 orang (50%), manakala subjek berumur antara 31-35 adalah seramai 2 orang (25%), sementara

itu subjek yang berumur di antara 36-40 dan 41-45 masing – masing seramai 1orang (12.5 %)

Jadual 6. Taburan subjek mengikut taraf perkahwinan.

Bil	Taraf Perkahwinan	Bil. Subjek	Peratus
1	Berkahwin	8	100%
2	Bujang	0	0%
3	Duda	0	0%
4	Janda	0	0%
	Jumlah	8	100%

Jadual 6 menjelaskan bahawa status perkahwinan bagi 8 subjek tenaga pengajar bahasa Arab di Sek.Agama Men. Bestari J.A.I.S. iaitu 100% telah berkahwin.

Jadual 7. Taburan subjek mengikut institusi pendidikan Institut pengajian Tinggi (I.P.T.)

Bil	Institusi pengajian	Bil. Subjek	Peratus
1	Luar negeri	0	0%
2	Dalam negeri	2	25 %
3	Kedua-dua	6	75 %
	Jumlah	8	100%

Jadual 7 menunjukkan bahawa seramai 6 orang subjek tenaga pengajar bahasa Arab (75%) adalah berlatarbelakang pendidikan di dalam dan luar negeri. Manakala seramai 2 (25%) subjek tenaga pengajar mempunyai latarbelakang pendidikan dalam negeri.

Jadual 8. Taburan subjek mengikut pengalaman mengajar.

Bil	Pengalaman mengajar	Bil. Subjek	Peratus
1	1-5 tahun	3	37.5%
2	6-10 tahun	4	50%
3	10-15 tahun	1	12.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 8 menunjukkan bahawa seramai 3 subjek daripada tenaga pengajar B.Arab mempunyai pengalaman mengajar di antara 1-5 tahun (37.5%), manakala subjek yang berpengalaman mengajar lebih dari lima tahun seramai 5 orang (62.5%). Ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar sintaksis di S.A.M. Bestari J.A.I.S. mempunyai pengalaman yang cukup untuk menjalankan proses P&P sintaksis bahasa Arab dengan baik berdasarkan pengalaman mereka.

Jadual 9. Taburan subjek mengikut Ikhtisas Pendidikan.

Bi	Ikhtisas Pendidikan	Bil.Subjek	Peratus
1			
1	Diploma Pendidikan J.P.A	3	37.5%
2	Diploma Pendidikan KPLI-KDC	1	12.5%
3	Diploma Pendidikan swasta	1	12.5%
	Tiada Diploma Pendidikan	3	37.5%
	Jumlah		100%

Jadual 9 menunjukkan bahawa seramai 5 subjek mempunyai Diploma Pendidikan (62.5%) dan 3 subjek (37.5%) tidak mempunyai Diploma Pendidikan yang dikitiraf oleh JPA atau swasta.

Jadual 10. Taburan subjek mengikut fakulti pengajian.

Bil	Fakulti	Bil. Subjek	Peratus
1	Fakulti bahasa Arab	3	37.5%
2	Fakulti Syari'ah	2	25%
3	Fakulti Usuluddin	1	37.5%
4	Lain-lain	2	25%
	Jumlah	8	100%

Jadual 10 menunjukkan hanya 3 subjek (37%) yang benar-benar berlatar belakang fakulti pengajian bahasa Arab, manakala 6 subjek (63%) pula tidak berlatar belakang fakulti bahasa Arab.

Jadual 11. Taburan subjek mengikut tempat pengajian.

Bi	Tempat pengajian	Bil.Subjek	Peratus
1			
1	Universiti Al-Azhar, Egypt.	5	62.5%
2	Universiti Al-Bayt, Jordan.	1	12.5%
3	Universiti Tempatan	2	25%
	Jumlah	8	100%

Jadual 11 menunjukkan seramai 6 (75%) subjek tenaga pengajar bahasa Arab adalah graduan dari universiti negara Arab iaitu Universiti Al-Azhar, Cairo Republic Arab of Egypt dan Universiti Jordan. Manakala hanya 2 (25%) subjek sahaja dari Universiti tempatan. Penulis optimis bahawa graduan yang telah menamatkan pengajian mereka di negara-negara Arab lebih mampu dan mempunyai keyakinan diri untuk mengajar matapelajaran bahasa Arab.

Walaupun demikian, ilmu pedagogi pendidikan dan pengalaman mengajar memainkan peranan penting dalam usaha membentuk satu suasana pengajaran dan pembelajaran yang efektif, efisien dan mampu menarik minat.

Jadual 12. Taburan subjek mengikut status perjawatan.

Bil	Status perjawatan	Bil. Subjek	Peratus
1	Pakar	tiada	tiada
2	Tetap	2	25%
3	Guru Sandaran Terlatih	4	50%
4	Guru SandaranTidak Terlatih	2	25%
	Jumlah	8	100%

Jadual 12 menunjukkan bahawa hanya 2 (25 %) sahaja subjek tenaga pengajar bahasa Arab yang telah dilantik sebagai guru tetap, manakala bakinya sebanyak 6 subjek (75 %) adalah guru sandaran dengan Gred Jawatan DC41. Guru Sandaran Terlatih (G.S.T.) ialah guru yang mempunyai Diploma Pendidikan dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (G.S.T.T) ialah guru yang tidak mempunyai Diploma Pendidikan dan masing-masing belum disahkan perlantikannya oleh J.P.A.

Jadual 13. Taburan subjek mengikut kemahiran aplikasi peralatan hardware I.C.T. dalam P&P.

Bil	Kemahiran I.C.T	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat mahir	Tiada	Tiada
2	Mahir	5	62.5%
3	Kurang mahir	3	37.5%
4	Tidak mahir	0	0%
	Jumlah	8	100%

Jadual 13 menunjukkan 5 subjek (62.5%) mahir menggunakan peralatan I.C.T dalam pengajaran, sementara itu seramai 3 subjek (37.5%) kurang mahir mengaplikasi I.C.T. dalam P&P. Pada keseluruhannya penulis berpendapat guru-guru bahasa Arab perlu diberi latihan intensif berkala untuk meningkatkan kemahiran aplikasi literasi computer bagi diri mereka.

Jadual 14. Taburan subjek mengikut kemahiran penggunaan software I.C.T.

Bil	Kemahiran software I.C.T	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat mahir	tiada	tiada
2	Mahir	2	25%
3	Kurang mahir	5	62.5%
4	Tidak mahir	1	12.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 14 mempamerkan 2 subjek (25.5%) mahir menggunakan software bahasa Arab dalam pengajaran mereka, sementara itu 5 subjek (62.5%) kurang mahir dan hanya satu subjek sahaja (12.5%) tidak mahir dan memerlukan latihan serta pendedahan intensif kepada kemahiran aplikasi software I.C.T. dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 15. Taburan subjek mengikut kemahiran penyelenggaraan Hardware I.C.T.

Bil	Kemahiran hardware I.C.T	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat mahir	2	25%
2	Mahir	2	25%
3	Kurang mahir	3	37.5%
4	Tidak mahir	1	12.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 15 menunjukkan sebanyak 2 subjek (25%) amat mahir dan 2 subjek (24%) mahir menyelenggara hardware I.C.T. dengan baik, manakala sebanyak 4 subjek (50%) kurang kemahiran dan tidak mahir untuk menyelenggara Hardware ICT . Penulis berpendapat setiap subjek yang kurang mahir di dalam penyelenggaraan hardware I.C.T. perlu mengambil inisiatif sendiri ke arah peningkatan pengetahuan dan kemahiran tersebut, dengan cara bertanya dan berbincang dengan rakan sebaya atau melihat dengan sendiri kerja-kerja membaikpulih yang dilakukan oleh pegawai mentainen komputer S.A.M.Bestari J.A.I.S.

Jadual 16. Taburan subjek mengikut keperluan pendedahan kepada kemahiran komputer (I.C.T) untuk tujuan pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Latihan perisian komputer	Bil. Subjek	Peratus
1	Sangat perlu	7	87.5%
2	Diperlukan	1	12.5%
3	Tidak diperlukan	0	0%
	Jumlah	8	100%

Jadual 16 menunjukkan 7 subjek (87.5%) sangat perlu dan 1 subjek (12.5%) memerlukan pendedahan kepada kemahiran aplikasi komputer untuk tujuan pengajaran sintaksis bahasa Arab. Selain dari itu, penulis melihat bahawa mereka juga perlu didedahkan dengan kemahiran asas membina perisian seperti program Power Point dan ChoMil.

Jadual 17. Taburan subjek mengikut keperluan pengetahuan aplikasi program software yang sesuai dengan pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Keperluan pengetahuan software	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat perlu	8	100%
2	Perlu	0	0%
3	Tidak perlu	0	0%
	Jumlah	8	100%

Jadual 17 menunjukkan 8 subjek (100%) menyatakan keperluan mereka kepada pengetahuan aplikasi program software untuk pengajaran dan pembelajaran sintaksis bahasa Arab.

ii. Maklumat pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Soal selidik ini adalah berkenaan pengajaran sintaksis bahasa Arab yang diamalkan oleh para tenaga pengajar terhadap murid-murid di Sek Agama Men. Bestari J.A.I.S sepanjang pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam atau luar bilik darjah dengan tidak mengklasifikasikan jantina para pelajar.

Jadual 18. Taburan subjek mengikut metod yang digunakan semasa mengajar sintaksis bahasa Arab (Subjek dibenarkan memilih jawapan lebih dari satu).

Bil.	Metodologi	Bil. Subjek	Peratus
1	Kaedah terjemahan	5	62.5%
2	Kaedah induktif	1	12.5%
3	Kaedah deduktif	1	12.5%
4	Kaedah literasi komputer	1	12.5%
5	Kaedah gabung jalin	8	100%

Jadual 18 menunjukkan seramai 8 subjek (100%) mengaplikasikan Kaedah Gabung Jalin, manakala seramai 5 subjek (62.5%) menggunakan Kaedah Terjemahan dan 3 subjek (37.5%) masing-masing menggunakan Kaedah Deduktif, Induktif dan Literasi Komputer.

Jadual 19. Taburan subjek mengikut aspek utama yang diberi penumpuan semasa mengajar sintaksis bahasa Arab (subjek dibenarkan memilih lebih dari satu jawapan).

Bi	Bidang tumpuan pengajaran	Bil.Subjek	Peratus
1			
1	Kemahiran Menterjemah	3	37.5%
2	Perbendaharaan kata	4	50%
3	Kemahiran Membaca	4	50%
4	Kemahiran Memahami Kaedah	2	25%
6	Kemahiran Menulis	3	37.5%

Jadual 19 menunjukkan aspek perbendaharaan kata dan kemahiran membaca menjadi tumpuan utama subjek (50%) ketika mengajar ilmu sintaksis bahasa Arab manakala, aspek yang lain hanya sebagai tumpuan kedua.

Jadual 20 Taburan subjek mengikut masalah utama yang dihadapi oleh murid (Subjek dibenarkan memilih lebih dari satu jawapan).

Bil	Masalah	Bil.Subjek	Peratus
1	Tatabahasa dan membuat ayat	5	62.5%
2	Kefahaman	2	25%
3	Kurang perbendaharaan kata	6	75%
4	Terjemahan	2	25%

Jadual 20 menunjukkan 6 subjek (75%) menumpukan kepada aspek kelemahan perbendaharaan kata di dalam pengajaran mereka, 5 subjek (62.5%) memberi penumpuan kepada aspek tatabahasa dan pembinaan ayat, manakala 4 subjek (50%) memberi penumpuan kepada aspek kefahaman dan terjemahan.

Jadual 21. Taburan subjek mengikut aspek minat serta kecenderungan pelajar kepada pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil.	Kecenderungan	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat berminat	1	12.5%
2	Berminat	6	75 %
3	Tidak berminat	1	12.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 21 menjelaskan 1 subjek (12.5%) menyatakan pelajar amat berminat, manakala 6 subjek (75%) mengatakan bahawa para pelajar berminat, berbanding hanya 1 (12.5%) subjek sahaja yang mengatakan para pelajar tidak berminat terhadap sintaksis bahasa Arab. Penulis melihat ini merupakan satu perkara yang positif kerana sebilangan besar para pelajar berminat dengan bahasa Arab dan para guru perlu membuat satu strategi agar rasa minat tersebut akan dapat terus dipertingkatkan.

Jadual 22. Taburan subjek mengikut kekerapan menggunakan bahan pengajaran mengikut urutan buku teks.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Mengikut urutan	8	100%
2	Kadang-kadang	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 22 menunjukkan seramai 8 subjek (100%) menggunakan bahan pengajaran mengikut urutan tajuk dalam buku teks. Ini menunjukkan bahawa semua subjek menggunakan buku teks sebagai bahan utama di dalam pengajaran sintaaksis bahasa Arab . Penulis berpendapat, hal ini berlaku kerana buku teks telah disusun oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sesuai dengan kadar pengetahuan pelajar dan soalan-soalan peperiksaan P.M.R. dan S.P.M. tidak akan terkeluar dari topik-topik yang terdapat di dalam buku teks. Begitu juga dengan mudhakkirat Al-Azhar yang telah disusun oleh Bahagian Pendidikan J.A.I.S.

Jadual 23. Taburan subjek mengikut kekerapan membuat Rancangan Pengajaran Harian (R.P.H).

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Setiap hari	5	62.5%
2	Secara Mingguan	2	25%
3	Kadang-kadang	1	12.5%
	Jumlah	8	100

Jadual 23 menunjukkan 7 subjek (87.5%) telah melaksanakan tugas membuat R.P.H., manakala 1 subjek (12.5%) kadang-kadang membuat R.P.H. Ini menunjukkan bahawa setiap tenaga pengajar ilmu sintaksis bahasa Arab telah melaksanakan tugas asasi mereka iaitu mengajar dengan berpandukan buku teks dan membuat R.P.H.

Jadual 24. Taburan subjek mengikut pelaksanaan membuat Rancangan Pengajaran Tahunan (R.P.T).

Bil	Membuat R.P.T	Bil. Subjek	Peratus
1	Membuat R.P.T	8	100%
2	Kadang-kadang	Tiada	tiada
3	Tidak membuat R.P.T	Tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 24 menunjukkan pelaksanaan terhadap Rancangan Pengajaran Tahunan (R.P.T) di mana 8 subjek (100%) telah melaksanakan pengajaran mengikut R.P.T dan tiada di antara mereka yang tidak membuat dan melaksanakan R.P.T. Hal ini menunjukkan komitmen yang tinggi telah dipamerkan oleh guru-guru bahasa Arab.

Jadual 25. Taburan subjek mengikut pelaksanaan pengajaran sintaksis bahasa Arab mengikut R.P.T.

Bil	Kekerapan mengikut R.P.T	Bil. Subjek	Peratus
1	Mengikut R.P.T sepenuhnya	4	50%
2	Kadang-kadang	4	50%
	Jumlah	8	100%

Jadual 25 menunjukkan sebanyak 4 subjek (50%) telah melaksanakan pengajaran sintaksis bahasa Arab mengikut Rancangan Pengajaran Tahunan (R.P.T) sepenuhnya manakala sebanyak 4 subjek (50%) tidak dapat mengikuti R.P.T dengan sepenuhnya.

Jadual 26. Taburan subjek mengikut kekerapan mengadakan ujian topikal secara bulanan.

Bil	Kekerapan membuat ujian topikal	Bil. Subjek	Peratus
1	Membuat setiap bulan	3	37.5%
2	Tidak membuat setiap bulan	5	62.5%
3	Kadang-kadang	Tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 26 menunjukkan seramai 3 subjek (37.5%) telah membuat ujian topikal bulanan dengan konsisten dan seramai 5 subjek (62.5%) tidak membuat ujian topikal bulanan dengan konsisten. Walaubagaimana pun, secara keseluruhannya komitmen guru adalah tinggi kerana didapati semua guru telah melaksanakan ujian topikal bulanan.

Jadual 27. Taburan subjek mengikut pembuatan soalan peperiksaan dalaman dibuat dengan pemantauan Panitia Bahasa Arab.

Bil	Kekerapan pemantauan Panitia	Bil. Subjek	Peratus
1	Dengan pemantauan Panitia B.Arab	8	100%
2	Tiada pemantauan Panitia B. Arab	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 27 menunjukkan seramai 8 subjek (100%) membuat soalan peperiksaan dalaman dengan pemantauan daripada pihak Panitia Bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem MS ISO 9002 telah berjaya diterapkan dan dilaksanakan oleh tenaga pengajar bahasa Arab

Jadual 28. Taburan subjek mengikut kekerapan mengadakan latihan bagi setiap topik yang diajar.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Membuat latihan tubi	4	50%
2	Kadang-kadang	4	50%
3	Tidak membuat latihan tubi	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 28 menunjukkan kekerapan subjek membuat latihan kepada pelajar, seramai 4 subjek (50%) membuat latihan tubi kepada pelajar bagi setiap topik yang diajar dan seramai 4 subjek (50%) tidak berbuat demikian secara konsisten.

Jadual 29. Taburan subjek mengikut sikap pihak pentadbiran sekolah terhadap program-program bahasa Arab.

Bil	Sikap pihak pentadbiran	Bil. Subjek	Peratus
1	Memberi kerjasama penuh	7	87.5%
2	Sederhana	1	12.5%
3	Tiada kerjasama	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 29 mempamerkan sikap positif pihak pentadbiran sekolah terhadap program atau aktiviti bahasa Arab, di mana seramai 7 subjek (87.5%) mengatakan pihak sekolah memberikan kerjasama yang baik dan hanya 1 subjek (12.5%) sahaja yang menyatakan bahawa kerjasama pihak pentadbiran di tahap sederhana. Walaubagaimana pun, penulis melihat pihak sekolah tetap memberikan kerjasama yang sewajarnya.

Jadual 30. Taburan subjek mengikut sumbangan Persatuan Bahasa Arab dapat membantu murid memahami dan menghayati sintaksis bahasa Arab.

Bil	Persatuan Bahasa Arab	Bil. Subjek	Peratus
1	Membantu murid	8	100%
2	Tidak membantu murid	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 30 menunjukkan pendapat subjek mengenai peranan Persatuan Bahasa Arab membantu murid memahami dan menghayati sintaksis bahasa Arab, seramai 8 subjek (100%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Penulis berpendapat bahawa aktiviti-

aktiviti Persatuan Bahasa Arab sebenarnya melatih para pelajar mengaplikasikan kemahiran bahasa Arab secara amnya dan kemahiran ilmu sintaksis bahasa Arab secara khususnya, seperti syarahan bahasa Arab, bahas, kuiz lakonan dan sebagainya.

Jadual 31. Taburan subjek mengikut klasifikasi kelas mengikut pencapaian keputusan dalam peperiksaan dalaman mempengaruhi metod pengajaran .

Bil	Klasifikasi kelas	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat mempengaruhi	4	50%
2	Sebahagian	4	50%
3	Tidak mempengaruhi	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 31 menunjukkan taburan mengenai respon subjek mengenai klasifikasi kelas terhadap pencapaian keputusan peperiksaan dalaman berupaya mempengaruhi metod pengajaran, iaitu seramai 4 subjek (50%) bersetuju dengan kenyataan di atas dan seramai 4 subjek (50%) berpendapat perkara tersebut hanya mempengaruhi sebahagian dari metod pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Jadual 32 Taburan subjek mengikut program motivasi diri membantu peningkatan pencapaian murid menguasai sintaksis bahasa Arab.

Bil	Program motivasi	Bil. Subjek	Peratus
1	Membantu	8	100%
2	Tidak membantu	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 32 menunjukkan taburan seramai 8 subjek (100%) bersetuju mengatakan program motivasi diri berupaya membantu pencapaian murid menguasai ilmu sintaksis bahasa Arab.

Jadual 33. Jadual taburan subjek mengikut iklim sekolah dapat membantu menanamkan rasa minat di kalangan murid terhadap pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Iklim sekolah	Bil. Subjek	Peratus
1	Membantu	8	100%
2	Tidak membantu	Tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 33 menunjukkan seramai 8 subjek (100%) memberi respon bersetuju, bahawa situasi dan suasana sekolah dapat membantu menanamkan rasa minat di kalangan murid terhadap pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab.

iii. Maklumat sumber pengajaran dan pembelajaran.

Di dalam soal selidik ini, pengkaji ingin melihat amalan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (B.B.M) oleh guru dalam proses pengajarannya dan keberkesanannya terhadap para pelajar serta kesesuaian isi kandungan buku teks terhadap pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab.

Jadual 34. Taburan subjek mengikut kekerapan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (B.B.M) oleh guru.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Sentiasa menggunakan B.B.M	1	12.5%
2	Kadang-kadang	7	87.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 34 menunjukkan hanya 1 subjek (12.5 %) sahaja yang komitmen menggunakan Bahan Bantu Mengajar (B.B.M) dalam proses pengajaran sintaksis bahasa Arab, manakala seramai 7 subjek (87.5%) menggunakan B.B.M. secara tidak konsisten. Penulis melihat perkara ini berlaku kerana kekangan yang dihadapi oleh guru sama ada dari segi tugas sampingan, masa, tenaga dan bahan pengajaran, terutamanya untuk menyediakan B.B.M. berasaskan kemahiran I.C.T. yang memerlukan pelbagai kemahiran dan pengetahuan mengenai aplikasi I.C.T. dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 35. Taburan subjek mengikut kekerapan kesesuaian tajuk dan isi kandungan buku teks dengan tahap pemikiran murid.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Setaraf sepenuhnya	tiada	tiada
2	Tidak setaraf	tiada	tiada
3	Setaraf sebahagian	8	100%
	Jumlah	8	100%

Jadual 35 menunjukkan taburan seramai 8 subjek (100%) memberi respon, bahawa hanya sebahagian daripada topik-topik buku teks sahaja yang selari dan bersesuaian dengan tahap pemikiran murid.

Jadual 36. Taburan subjek mengikut kekerapan kesesuaian tajuk dan isi kandungan bahan pengajaran dengan minat murid.

Bil	Minat murid	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat sesuai	6	75%
2	Bersesuaian	2	25%
3	Tidak bersesuaian	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 36 menunjukkan seramai 6 subjek (75%) memberi respon bersetuju bahawa tajuk-tajuk yang disediakan dalam buku teks amat bersesuaian dengan minat murid-murid manakala seramai 2 subjek (25%) menyatakan hanya bersesuaian sahaja. Penulis melihat secara am bahawa, tajuk-tajuk atau isi kandungan buku teks berupaya

menarik minat murid-murid dan keadaan ini akan menjadi lebih baik sekiranya para guru bijak memilih pendekatan yang bersesuaian dengan anak didik mereka.

Jadual 37. Taburan subjek mengikut kekerapan kesesuaian tajuk dan isi kandungan bahan pengajaran dengan realiti kehidupan murid

Bil	Realiti murid	Bil. Subjek	Peratus
1	Keseluruhan teks	1	12.5%
2	Sebahagian teks	7	87.5%
3	Tiada langsung	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 37 menjelaskan seramai 7 subjek (87.5%) memberi respon bahawa hanya sebahagian teks sahaja yang menepati realiti kehidupan murid, manakala seramai 1 subjek (12.5 %) sahaja menyatakan bahawa keseluruhan teks menepati realiti kehidupan pelajar.

Jadual 38. Taburan subjek mengikut kekerapan penggunaan buku teks dapat mencapai objektif pengajaran sintaksis bahasa Arab dengan maksimum.

Bil	Objektif	Bil. Subjek	Peratus
1	Tercapai	1	12.5%
2	Sebahagian tercapai	7	87.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 38 menunjukkan bahawa seramai 7 subjek (87.5%) menyatakan bahawa penggunaan buku teks sepenuhnya tidak membantu untuk mencapai objektif pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab secara maksimum dan seramai 1 subjek (12.5%) berpendapat bahawa kekerapan guru menggunakan buku teks berupaya mencapai objektif pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab. Penulis berpendapat penggunaan buku teks, di samping buku-buku kerja yang lain perlu amalkan oleh guru untuk membantu mencapai objektif pengajaran sintaksis bahasa Arab secara maksimum.

Jadual 39. Taburan subjek mengikut latihan yang ada dalam buku teks mencukupi.

Bil	Latihan	Bil. Subjek	Peratus
1	Mencukupi	1	12.5%
2	Sederhana	2	25 %
3	Tidak mencukupi	5	62.5%
	Jumlah	8	100%

Jadua 39 menjelaskan bahawa seramai 5 subjek (62.5%) mengatakan bahawa latihan yang disediakan dalam buku teks semata-mata tidak mencukupi untuk menjadikan murid itu mampu menguasai sintaksis bahasa Arab, manakala seramai 1 subjek (12.5%) berpendapat ianya sudah mencukupi dan 2 subjek (25%) menyatakan hanya pada tahap sederhana. Penulis berpendapat para guru perlu menggunakan buku-buku latihan selain dari buku teks untuk membantu para pelajar lebih memahami dan menguasai sintaksis bahasa Arab.

Jadual 40. Taburan subjek mengikut bahan-bahan dalam dari buku teks dapat membantu murid memahami sintaksis bahasa Arab.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	8	100%
2	Membantu	tiada	tiada
3	Tidak membantu	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 40 menunjukkan taburan seramai 8 subjek iaitu 100 % mengakui bahawa bahan-bahan dalam buku teks amat membantu murid memahami pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab dengan lebih baik. Penulis berpendapat bahawa bahan-bahan yang disusun dengan dengan baik dan bersesuaian dapat memberi in-put positif kepada peningkatan pemahaman pelajar terhadap sintaksis bahasa Arab.

Jadual 41. Taburan subjek mengikut bahan-bahan media elektronik dapat membantu murid memahami sintaksis bahasa Arab.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	8	100%
2	Membantu	tiada	tiada
3	Tidak membantu	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 41 menunjukkan taburan seramai 8 subjek (100%) bersetuju menyatakan bahawa bahan-bahan media elektronik amat membantu murid memahami pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab. Bahan-bahan elektronik merupakan suatu bahan yang amat relevan dewasa ini dan ia wajar digunakan oleh para guru wajar menggunakannya ketika mengajar.

Jadual 42. Taburan subjek mengikut latih tubi dari buku-buku kerja selain buku teks dapat membantu murid memahami sintaksis bahasa Arab.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	8	100%
2	Membantu	tiada	Tiada
3	Tidak membantu	tiada	Tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 42 menunjukkan taburan seramai 8 subjek aitu 100% bersetuju menyatakan bahawa latih tubi dari buku-buku kerja selain buku teks amat membantu murid memahami ilmu sintaksis bahasa Arab. Walaubgaimana pun, guru harus mempunyai kemahiran memilih bahan-bahan atau buku-buku kerja yang sesuai dengan sukatan pelajaran dan menepati kehendaki skema jawapan Kementerian Pendidikan.

Jadual 43. Taburan subjek mengikut penyusunan dan persembahan buku teks dapat merangsang motivasi murid.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	4	50%
2	Membantu	4	50%
	Jumlah	8	100%

Jadual 43 menunjukkan taburan seramai 8 subjek (100%) memberi respon bahawa penyusunan dan persembahan buku teks dapat membantu merangsang motivasi murid untuk terus mempelajari ilmu sintaksis bahasa Arab. Walaubagaimana pun, perlu ada sedikit penambahan supaya ia lebih menarik motivasi seperti gambar-gambar yang berwarna.

Jadual 44. Taburan subjek mengikut penyusunan tajuk buku teks bertepatan dengan tahap minda murid.

Bil	Minda murid	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat bertepatan	tiada	Tiada
2	Sederhana	8	100%
3	Tidak bertepatan	tiada	Tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 44 menunjukkan taburan seramai 8 subjek (100%) berpendapat bahawa penyusunan tajuk buku teks adalah pada tahap sederhana bertepatan dengan tahap minda murid.

Jadual 45. Taburan subjek mengikut penyediaan nota tambahan untuk murid.

Bil	Kekerapan	Bil. Subjek	Peratus
1	Disediakan	4	50 %
2	Kadang-kadang	3	37.5%
3	Tidak disediakan	1	12.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 45 menunjukkan taburan seramai 4 subjek (50%) menyediakan nota-nota tambahan kepada murid untuk membantu mereka lebih memahami ilmu sintaksis bahasa Arab, manakala 3 subjek (37.5%) kadang-kadang sahaja menyediakan nota dan hanya 1 subjek (12.5%) tidak menyediakan nota tambahan untuk murid.

Jadual 46. Taburan subjek mengikut masa mengajar dalam seminggu yang diperuntukkan oleh pihak sekolah.

Bil	Peruntukan masa	Bil. Subjek	Peratus
1	Mencukupi	5	62.5%
2	Tidak mencukupi	2	25 %
3	Amat tidak mencukupi	1	12.5%
	Jumlah	8	100 %

Jadual 46 menunjukkan taburan seramai 5 subjek (62.5%) menyatakan bahawa masa yang diperuntukkan adalah mencukupi untuk mereka melaksanakan pengajaran sintaksis bahasa Arab dan menghabiskan sukatan pelajaran, manakala seramai 3 subjek (37.5%) menyatakan masa yang diperuntukkan tidak mencukupi dan memerlukan penambahan masa.

Jadual 47. Taburan subjek mengikut keperluan prasarana I.C.T mencukupi dan boleh digunakan untuk proses pengajaran.

Bil	Kemudahan I.C.T.	Bil. Subjek	Peratus
1	Mencukupi	4	50%
2	Kurang mencukupi	4	50%
	Jumlah	8	100%

Jadual 47 menunjukkan taburan seramai 4 subjek (50%) mengatakan bahawa keperluan prasarana I.C.T adalah mencukupi dan seramai 4 subjek (50%) menyatakan bahawa perkara di atas masih belum mencukupi lagi. Penulis melihat bahawa untuk menjadikan pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab lebih berkesan, ia memerlukan kelengkapan prasarana audiolingua yang efisien dan moden seperti satu makmal bahasa dengan bekalan set lengkap audiolingua.

Jadual 48. Taburan subjek mengikut penggunaan alat-alat kemudahan I.C.T. dalam proses pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Penggunaan I.C.T	Bil. Subjek	Peratus
1	Pada setiap topik	tiada	tiada
2	Sebahagian topik	5	62.5%
3	Tiada	3	37.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 48 menunjukkan taburan seramai 5 subjek (62.5%) menggunakan peralatan I.C.T. ketika mengajar pada topik-topik tertentu dan seramai 3 subjek (37.5%) tidak

menggunakannya ketika mengajar. Penulis melihat faktor utama terjadinya fenomena ini kerana kekurangan kemahiran aplikasi kemahiran I.C.T. di kalangan guru.

Jadual 49. Taburan subjek mengikut penyediaan format soalan peperiksaan dalaman berdasarkan format peperiksaan K.P.M.

Bil	Format peperiksaan	Bil. Subjek	Peratus
1	Mengikuti format K.P.M.	6	75%
2	Sebahagian	2	25%
3	Tidak mengikuti format K.P.M.	tiada	Tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 49 menunjukkan taburan seramai 6 subjek (75%) membuat soalan peperiksaan dalaman mengikut format K.P.M., manakala seramai 2 subjek (25%) tidak menepati format sebenar peperiksaan K.P.M. Penulis melihat guru yang mengajar mata pelajaran K.P.M. akan mengikut format sebenar peperiksaan K.P.M., tetapi bagi sukatan Al-Azhar, soalan dibuat mengikut pertimbangan dan kebijaksanaan guru berdasarkan penguasaan murid dalam pelajaran tersebut.

Jadual 50. Taburan subjek mengikut penggunaan bahasa Arab ketika proses pengajaran dijalankan dalam kelas.

Bil	Penggunaan bahasa Arab	Bil. Subjek	Peratus
1	Sepenuh masa	tiada	Tiada
2	Sebahagian masa	8	100%
3	Tidak menggunakan	tiada	Tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 50 menunjukkan taburan seramai 8 subjek (100%) menggunakan bahasa Arab pada sebahagian masa ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam bilik darjah. Penulis melihat kelemahan ini berlaku kerana pelajar akan menghadapi masalah memahami penyampaian guru sekiranya guru menggunakan bahasa Arab sepenuhnya.

Jadual 51. Taburan subjek mengikut langkah-langkah pedagogi K.B.S.M yang dilaksanakan dalam proses pengajaran di bilik darjah.

Bil	Langkah-langkah pedagogi KBSM	Bil. Subjek	Peratus
1	Melaksanakan sepenuhnya	2	25%
2	Melaksanakan sebahagian	6	75%
3	Tidak melaksanakan	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 51 menunjukkan taburan seramai 2 subjek (25%) mengikut langkah-langkah pedagogi K.B.S.M. sepenuhnya ketika menjalankan proses pengajaran di bilik darjah,

manakala seramai 6 subjek (75%) tidak melaksanakan langkah-langkah tersebut dengan sepenuhnya. Penulis berpendapat walaupun begitu, pada keseluruhannya guru-guru masih mengikuti langkah-langkah pedagogi K.B.S.M.

Jadual 52. Taburan subjek mengikut penyediaan R.P.H menepati format prosedur MS ISO 9002 (PNP 001).

Bil	Prosedur MS ISO 9002 (PNP 001)	Bil. Subjek	Peratus
1	Menepati sepenuhnya	5	62.5%
2	Menepati sebahagian	3	37.5%
3	Tidak menepati	Tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 52 menunjukkan taburan seramai 5 subjek (62.5%) mengikuti dengan tepat prosedur MS ISO 9002 (PNP 001) untuk menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (R.P.H), manakala seramai 3 subjek (37.5%) tidak mengikuti prosedur tersebut dengan tepat.

Jadual 53. Taburan subjek mengikut aplikasi K.B.K.K. di dalam R.P.H.

Bil	Aplikasi K.B.K.K	Bil. Subjek	Peratus
1	Dalam setiap topik	3	37.5%
2	Sebahagian topik	5	62.5%
3	Tidak mengaplikasi	tiada	tiada
	Jumlah	8	100%

Jadual 53 menunjukkan taburan seramai 3 subjek (37.5%) telah mengaplikasikan K.B.K.K. di dalam Rancangan Pengajaran Harian (R.P.H), manakala seramai 5 subjek (62.5%) tidak berbuat demikian secara sepenuhnya. Walaupun begitu, penulis optimis bahawa semua guru akan melaksanakan MS ISO 9002 setelah mereka mendapat kefahaman yang betul.

Jadual 54. Taburan subjek mengikut penerapan nilai-nilai murni di dalam pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Nilai-nilai murni	Bil. Subjek	Peratus
1	Dalam setiap topik	3	37.5%
2	Sebahagian topik	5	62.5%
	Jumlah	8	100%

Jadual 54 menunjukkan taburan seramai 3 subjek (37.5%) menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran sintaksis bahasa Arab pada setiap topik, manakala seramai 5 subjek (62.5%) hanya menerapkan nilai-nilai tersebut pada tajuk-tajuk tertentu sahaja. Namun penulis melihat pada keseluruhannya semua subjek tetap menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka.

Jadual 55. Taburan subjek mengikut penggunaan Bilik Simulasi ketika proses pengajaran .

Bil	Penggunaan Bilik Simulasi	Bil. Subjek	Peratus
1	Kerap menggunakan	Tiada	tiada
2	Kadang-kadang	6	75%
3	Tiada	2	25%
	Jumlah	8	100%

Jadual 55 menunjukkan taburan seramai 6 subjek (75%) hanya menggunakan kemudahan Bilik Simulasi pada waktu-waktu tertentu sahaja dan seramai 2 subjek (25%) tidak menggunakannya. Penulis melihat bahawa tahap penggunaan kemudahan Bilik Simulasi masih berada di tahap kurang memuaskan.

Jadual 56. Taburan subjek mengikut penggunaan Bilik Makmal Komputer ketika proses pengajaran .

Bil	Penggunaan Bilik Simulasi	Bil. Subjek	Peratus
1	Kerap menggunakan	4	50%
2	Kadang-kadang	4	50%
3	Tiada	Tiada	tiada
	Jumlah		

Jadual 56 menunjukkan taburan seramai 4 subjek (50%) menggunakan kemudahan Bilik Makmal Komputer ketika mengajar dan seramai 4 subjek (50%) tidak menggunakannya. Penulis melihat penggunaan kemudahan Bilik Makmal Komputer masih di tahap tidak memuaskan.

4.6.2. Soal Selidik 2 (Murid)

Dalam proses pelaksanaan Borang Soal Selidik 2, pengkaji telah menjalankan soal selidik kepada 100 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan 1,2,3,4 dan 5. Subjek bagi setiap tingkatan hanya dipilih seramai 20 orang pelajar dan pilihan tersebut dijalankan dengan secara rawak dan tiada klasifikasi jantina.

Melalui soal selidik 2 ini, semua subjek akan dilihat dari aspek tiga kategori yang berikut :

- i. Butiran peribadi.
- ii. Maklumat pembelajaran.
- iii. Maklumat bahan pengajaran .

Ketiga-tiga elemen di atas dapat diuraikan seperti berikut :

i. Butiran peribadi subjek.

Dalam soal selidik butiran peribadi subjek, pengkaji akan melihat beberapa perkara yang berkaitan dengan murid yang dijadikan subjek kajian. Di antara aspek yang akan diselidiki ialah jantina, umur, latarbelakang keluarga dan bahan-bahan bahasa Arab sama ada berbentuk bahan cetak atau bukan.

Jadual 57. Taburan subjek mengikut jantina

Bil	Jantina	Bil. Subjek	Peratus
1	Lelaki	54	54%
2	Perempuan	46	46%
	Jumlah	100	100%

Jadual 57 menunjukkan pemilihan dilakukan dengan cara rawak merangkumi 54 subjek lelaki (54%) dan 46 subjek perempuan (46%) dan jumlah keseluruhan subjek yang dipilih sebagai responden berjumlah 100 orang murid.

Jadual 58. Taburan subjek mengikut umur

Bil	Umur	Bil. Subjek	Peratus
1	13 tahun	20	20%
2	14 tahun	20	20%
3	15 tahun	20	20%
4	16 tahun	20	20%
5	17 tahun	20	20%
	Jumlah	100	100%

Jadual 58 menunjukkan taburan seramai 20 orang subjek (20 %) dari setiap tingkatan, iaitu Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Lima dipilih untuk dijadikan bahan eksperimen kajian ini dan pemilihan subjek dibuat secara rawak tanpa menentukan jantina.

Jadual 59. Taburan subjek mengikut latarbelakang keluarga bertutur menggunakan bahasa Arab.

Bil	Bertutur bahasa Arab	Bil. Subjek	Peratus
1	Kerap bertutur bahasa Arab	19	19%
2	Kadang-kadang	39	39%
3	Tiada	42	42%
	Jumlah	100	100%

Jadual 59 menunjukkan taburan terdapat 19 subjek (19%) yang berlatarbelakang keluarga yang kerap menggunakan bahasa Arab ketika berkomunikasi dan sebanyak 39 subjek (39%) berlatarbelakang keluaraga yang kadang-kadang menggunakan bahasa Arab dan sebanyak 42 subjek (42%) subjek yang tidak mengamalkan bahasa Arab berkomunikasi di rumah mereka.

Jadual 60. Taburan subjek mengikut latarbelakang keluarga yang berpendidikan di negara Arab.

Bil	Pendidikan negara Arab	Bil. Subjek	Peratus
1	Semua ahli keluarga	25	25%
2	Sebahagian	30	30%
3	Tiada	45	45%
	Jumlah	100	100%

Jadual 60 menunjukkan taburan subjek mengikut latarbelakang keluarga yang berpendidikan di negara Arab seramai 25 (25%), dan seramai 30 subjek (30%) berlatarbelakang sebahagian keluarga yang berpendidikan di negara Arab, manakala

seramai 45 subjek (45%) tidak berlatarbelakang keluarga berpendidikan di negara Arab.

Jadual 61. Taburan subjek mengikut bahan-bahan bahasa Arab di rumah.

Bil	Bahan bahasa Arab	Bil. Subjek	Peratus
1	Banyak	25	25%
2	Sedikit	62	62%
3	Tiada	13	13%
	Jumlah	100	100

Jadual 61 menunjukkan taburan seramai 25 subjek (25%) mempunyai banyak bahan-bahan bahasa Arab di rumah, 62 subjek (62%) mempunyai sedikit sahaja dan seramai 13 subjek (13%) tidak mempunyai bahan-bahan tersebut. Penulis berpendapat ini merupakan suatu positif dan menunjukkan sebilangan besar para pelajar S.A.M. Bestari J.A.I.S. berminat dengan bahasa Arab.

ii. Maklumat pembelajaran subjek.

Dalam usaha mencari maklumat pembelajaran subjek, pengkaji akan cuba menyingkap Beberapa perkara yang berkaitan dengan minat subjek terhadap bahasa Arab, sikap guru terhadap subjek, keberkesanan pengajaran guru, suasana sekolah dan lain-lain.

Jadual 62. Taburan subjek mengikut minat terhadap pembelajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Minat	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat berminat	36	36%
2	Berminat	30	30%
3	Kurang minat	26	26%
4	Amat kurang berminat	3	3%
	Jumlah	100	100%

Jadual 62 menunjukkan taburan seramai 36 subjek (36%) amat berminat terhadap pembelajaran nahu bahasa Arab, seramai 30subjek (30%) berminat, 26 subjek (26%) kurang berminat dan seramai 3 subjek (3%) tidak berminat dengan pembelajaran nahu bahasa Arab. Guru sewajarnya menggunakan pendekatan yang terbaik kepada para subjek yang kurang berminat agar timbul rasa suka untuk mempelajari sintaksis bahasa Arab.

Jadual 63. Taburan subjek mengikut kekerapan guru melakukan teguran kesalahan nahu di dalam kelas.

Bil	Teguran kesalahan	Bil. Subjek	Peratus
1	Kerap kali	33	33%
2	Kadang-kadang	60	60%
3	Tiada	7	7%
	Jumlah	100	100%

Jadual 63 menunjukkan taburan seramai 33 subjek (33%) kerap ditegur oleh guru mengenai kesalahan-kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh mereka ketika

berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, 60 subjek (60%) kadang-kadang ditegur dan seramai 7 subjek (7%) tidak ditegur oleh guru terhadap kesalahan sintaksis. Pengkaji berpendapat bahawa semua pelajar wajar ditegur dan diperbetulkan setiap kesalahan agar mereka faham dengan jelas.

Jadual 64. Taburan subjek mengikut keberkesanan pendekatan guru ketika mengajar secara umum.

Bil	Keberkesanan pengajaran	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat berkesan	15	15%
2	Berkesan	38	38%
3	Tidak berkesan	26	26%
4	Amat tidak berkesan	3	3%
	Jumlah	100	100%

Jadual 64 menunjukkan taburan seramai 15 subjek (15%) menyatakan pengajaran guru amat berkesan, manakala seramai 38 subjek (38%) menyatakan keberkesanan pengajaran guru pada tahap sederhana dan seramai 29 subjek (29%) menyatakan pengajaran guru tidak berkesana. Dalam hal ini, penulis berpendapat mana-mana guru bahasa Arab yang kurang pengetahuan pedagogi secara berkesan wajar mengambil langkah inisiatif bertanya dan mengikuti kursus-kursus intensif Pengajaran Bahasa Arab ke arah melahirkan strategi pengajaran yang lebih efisien.

Jadual 65. Taburan subjek mengikut keberkesanan pengajaran dari Guru Sandaran Tidak Terlatih (G.S.T.T).

Bil	Keberkesanan pengajaran	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat berkesan	13	13%
2	Berkesan	41	41%
3	Tidak berkesan	26	26%
4	Amat tidak berkesan	10	10%
	Jumlah	100	100

Jadual 65 menunjukkan taburan seramai 54 subjek (54%) menyatakan keberkesanan pengajaran daripada Guru Ssandan Tidak Terlatih (G.S.T.T) dan seramai 36 subjek (36%) menghadapi masalah ketidakberkesanan pengajaran G.S.T.T.

Jadual 66. Taburan subjek mengikut keberkesanan pengajaran dari Guru Sandaran Terlatih (G.S.T).

Bil	Keberkesanan pengajaran	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat berkesan	23	23%
2	Berkesan	67	67%
3	Tidak berkesan	8	8%
4	Amat tidak berkesan	2	2%
	Jumlah	100	100%

Jadual 66 menunjukkan taburan seramai 23 subjek (23%) menyatakan amat berkesan pengajaran daripada Guru Sandaran Terlatih (G.S.T) dan 67 subjek (67%) menyatakan hanya berkesan manakala seramai 8 subjek (8%) menyatakan ketidakberkesanan dan 2 subjek (2%) menyatakan amat tidak berkesan strategi

pengajaran yang diamalkan oleh G.S.T. Penulis melihat bahawa Diploma Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran kerana guru mempunyai kemahiran mengajar dengan lebih efektif.

Jadual 67 Taburan subjek mengikut keberkesanan pengajaran dari guru berjawatan tetap.

Bil	Keberkesanan pengajaran	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat berkesan	44	44%
2	Berkesan	42	42%
3	Tidak berkesan	3	3%
4	Amat tidak berkesan	1	1%
	Jumlah	100	100%

Jadual 67 menunjukkan taburan seramai 86 subjek (86%) menyatakan keberkesanan pengajaran yang diamalkan oleh guru berjawatan tetap dan seramai 4 subjek (4%) menyatakan ketidakberkesanan pengajaran daripada guru yang berjawatan tetap.

Jadual 68. Taburan subjek mengikut tahap minat terhadap metod pengajaran guru.

Bil	Tahap minat.	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat minat	60	60%
2	Sederhana	37	37%
3	Tidak minat	3	3%
	Jumlah	100	100%

Jadual 68 menunjukkan taburan seramai 60 subjek (60%) memberi respon bahawa mereka amat berminat dengan cara pendekatan guru-guru mengajar sintaksis bahasa Arab, manakala 37 subjek (37%) pada tahap sederhana dan 3 subjek (3%) menyatakan tidak berminat terhadap *approach* pengajaran guru. Penulis berpendapat subjek yang tidak berminat tersebut, kebiasaannya pelajar yang bermasalah dan mempunyai sikap tidak suka kepada bahasa Arab kerana sebab-sebab tertentu.

Jadual 69. Taburan subjek mengikut keberkesanan pembelajaran secara berkumpulan di dalam kelas.

Bil	Keberkesanan berkumpulan	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat berkesan	31	31%
2	Berkesan	52	52%
3	Tidak berkesan	10	10%
4	Amat tidak berkesan	7	7%
	Jumlah	100	100%

Jadual 69 menunjukkan taburan seramai 83 subjek (83%) menyatakan keberkesanan pembelajaran secara berkelompok atau berkumpulan di dalam kelas dan seramai 17 subjek (17%) menyatakan ketidakberkesanan pembelajaran secara berkelompok. Penulis berpendapat pembelajaran secara *grouping* lebih efektif berbanding belajar secara individual, kerana para pelajar secara langsung atau tidak langsung akan mengamalkan proses bina membina dan tegur menegur di antara mereka sama ada secara interaktif atau kolaboratif.

Jadual 70. Taburan subjek mengikut suasana sekolah membantu meningkatkan minat kepada pembelajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Suasana sekolah	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	38	38%
2	Membantu	45	45%
3	Tidak membantu	11	11%
4	Amat tidak membantu	6	6%
	Jumlah	100	100

Jadual 70 menunjukkan taburan seramai 83 subjek (83%) menyatakan bahawa suasana sekolah mempengaruhi dan mampu meningkatkan minat pelajar kepada subjek sintaksis bahasa Arab dan seramai 17 subjek (17%) berpendapat sebaliknya. Pengkaji melihat para murid akan terdorong mencintai sekolah dan seterusnya meminati pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana suasana yang menarik dari segi landskap, mural dan sebagainya yang indah dan menarik.

Jadual 71. Taburan subjek mengikut penampilan personaliti guru mempengaruhi minat.

Bil	Ketrampilan personaliti guru	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat mempengaruhi	41	41%
2	Mempengaruhi	46	46%
3	Tidak mempengaruhi	8	8%
4	Amat tidak mempengaruhi	5	5%
	Jumlah	100	100%

Jadual 71 menunjukkan taburan seramai 41 subjek (41%) menunjukkan respon dengan mengatakan ketrampilan personaliti guru amat mempengaruhi minat pelajar, seramai 46 subjek (46%) menyatakan hanya pada tahap sederhana, manakala seramai 8 subjek (8%) menyatakan penampilan guru tidak mempengaruhi minat dan 5 subjek (5%) mengatakan penampilan amat tidak mempengaruhi minat mereka. Penulis berpendapat, guru yang sentiasa ceria akan memberi rangsangan motivasi diri kepada murid untuk terus bersemangat mengikuti pengajarannya sehingga selesai. Sebaliknya guru yang lemah, layu, tidak ceria dan tidak bersemangat akan menurunkan prestasi motivasi diri murid.

Jadual 72. Taburan subjek mengikut penggunaan Bahan Bantu Mengajar (B..B.M) dalam proses pengajaran membantu memahami topik.

Bil	Penggunaan B.B.M	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	70	70%
2	Membantu	25	25%
3	Tidak membantu	5	5%
4	Amat tidak membantu	0	0%
	Jumlah	100	100%

Jadual 72 menunjukkan taburan seramai 95 subjek (95%) berpendapat penggunaan B.B.M. dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid untuk memahami topik yang diajar dan seramai 5 subjek (5%) berpendapat B.B.M. tidak membantu pelajar memahami topik yang dipelajari.

Jadual 73. Taburan subjek mengikut penggunaan komputer dalam proses pengajaran sintaksis membantu memahami topik.

Bil	Keberkesanan computer	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	47	47%
2	Membantu	47	47
3	Tidak membantu	6	6%
4	Amat tidak membantu	0	0%
	Jumlah	100	100%

Jadual 73 menunjukkan taburan seramai 94 subjek (94%) menyatakan bahawa penggunaan kemudahan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu sintaksis bahasa Arab membantu untuk memahami topik yang diajar dan seramai 6 subjek (6%) berpendapat penggunaan komputer tidak memberi apa-apa perbezaan untuk memahami topik yang diajar.

Jadual 74. Taburan subjek mengikut jantina guru mempengaruhi proses pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Jantina	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat mempengaruhi	17	17%
2	Mempengaruhi	37	37%
3	Tidak mempengaruhi	20	20%
4	Amat tidak mempengaruhi	26	26%
	Jumlah	100	100%

Jadual 74 menunjukkan taburan seramai 54 subjek (54%) mengatakan bahawa jantina guru mempengaruhi proses pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab, manakala seramai

20 subjek (20%) mengatakan bahawa jantina tidak mempengaruhi apa-apa perbezaan pengajaran ilmu sintaksis dan seramai 26 subjek (26%) mengatakan bahawa jantina guru amat tidak mempengaruhi proses pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab.

Jadual 75. Taburan subjek mengikut program seminar membantu pelajar memahami topik pelajaran sintaksis bahasa Arab.

Bil	Seminar	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	41	41%
2	Membantu	55	51%
3	Tidak membantu	4	4%
4	Amat tidak membantu	0	0%
	Jumlah	100	100

Jadual 75 menunjukkan taburan seramai 96 subjek (96%) mengatakan bahawa program seminar membantu pelajar memahami topik pelajaran sintaksis bahasa Arab, manakala seramai 4 subjek (4%) mengatakan seminar tidak memberi apa-apa penambahan pemahaman terhadap pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab.

Jadual 76. Taburan subjek mengikut program seminar peperiksaan membantu pelajar menguasai teknik menjawab dalam peperiksaan.

Bil	Seminar peperiksaan	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	57	57%
2	Membantu	41	41%
3	Tidak membantu	2	2%
4	Amat tidak membantu	0	0%
	Jumlah	100	100

Jadual 76 menunjukkan taburan seramai 98 subjek (98%) mengatakan bahawa seminar peperiksaan membantu pelajar menguasai teknik menjawab soalan-soalan dalam peperiksaan dan seramai 2 subjek (2%) berpendapat bahawa seminar tidak mempengaruhi mereka dalam peperiksaan. Penulis berpendapat bahawa penambahan kefahaman yang diperolehi oleh subjek hasil dari seminar yang diadakan sama ada segi teknik dan strategi jawapan peperiksaan mengikut skema yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah perlu kerana para pemberi seminar biasanya terdiri daripada pemeriksa kertas soalan yang berpengalaman.

iii. Maklumat Bahan Pengajaran

Dalam konteks Maklumat Bahan Pengajaran atau Bahan Bantu Mengajar (B.B.M), penulis akan cuba menganalisis pelaksanaan Skim Pinjaman Buku Teks (S.P.B.T) dan penggunaannya, latihan-latihan yang terdapat di dalam buku teks dan buku kerja, isi kandungan buku teks dan bahan-bahan B.B.M. yang digunakan oleh guru.

Jadual 77. Taburan subjek mengikut bantuan Skim Pinjaman Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia (S.P.B.T).

Bil	Pinjaman S.P.B.T	Bil. Subjek	Peratus
1	Dapat bantuan	88	88%
2	Tidak dapat bantuan	12	12%
	Jumlah	100	100

Jadual 77 menunjukkan taburan seramai 88 subjek (88%) mendapat kemudahan Skim Pinjaman Buku Teks (S.P.B.T) dan seramai 12 subjek (12%) tidak mendapat kemudahan tersebut. Setelah menganalisis borang-borang pinjaman buku teks,

pengkaji dapati bahawa para subjek yang mana ibu bapa atau penjaga mereka yang berpendapatan kurang dari RM 2000.00 adalah layak menerima Sskim Pinjaman Buku Teks.

Jadual 78. Taburan subjek mengikut penggunaan buku teks ketika proses pengajaran di dalam kelas.

Bil	Buku teks	Bil. Subjek	Peratus
1	Selalu digunakan	59	59%
2	Mengikut kesesuaian	38	38%
3	Tidak digunakan	3	3%
	Jumlah	100	100

Jadual 78 menunjukkan taburan seramai 59 subjek (59%) selalu menggunakan buku teks ketika proses pengajaran sintaksis bahasa Arab di dalam kelas, manakala seramai 38 subjek (38%) menggunakan buku teks mengikut kesesuaian topik dan 3 subjek (3%) tidak menggunakan buku teks. Penulis melihat bahawa ini menunjukkan pelajar dan guru masih bergantung dengan buku teks sebagai bahan utama dalam proses pengajaran sintaksis bahasa Arab.

Jadual 79. Taburan subjek mengikut latihan dalam buku teks sudah mencukupi untuk menguasai sintaksis bahasa Arab.

Bil	Latihan buku teks	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat mencukupi	7	7%
2	Mencukupi	38	38%
3	Tidak mencukupi	35	35%
4	Amat tidak mencukupi	20	20%
	Jumlah	100	100

Jadual 79 menunjukkan taburan seramai 45 subjek (45%) mengatakan bahawa latihan dalam buku teks sudah mencukupi untuk menguasai pengajaran sintaksis bahasa Arab dan seramai 55 subjek (55%) mengatakan bahawa latihan dalam buku teks belum memadai dan tidak mencukupi untuk murid itu menguasai ilmu sintaksis bahasa Arab dengan baik. Mereka masih memerlukan buku-buku kerja dan nota-nota guru yang lain.

Jadual 80. Taburan subjek mengikut tahap latihan dalam buku teks terhadap kemampuan subjek.

Bil	Tahap buku kerja	Bil. Subjek	Peratus
1	Susah	16	16%
2	Sederhana	80	80%
3	Mudah	4	4%
	Jumlah	100	100

Jadual 80 menunjukkan bahawa seramai 16 subjek (16%) mengatakan bahawa latihan-latihan di dalam buku teks adalah susah dan bertahap tinggi, manakala seramai 80

subjek (80%) mengatakan bahawa latih tubi yang terdapat dalam buku teks adalah sederhana dan seramai 4 subjek (4%) mengatakan bahawa bentuk-bentuk latihan dalam buku teks mudah dan mereka berupaya untuk menyelesaikannya.

Jadual 81. Taburan subjek mengikut penggunaan buku kerja membantu menguasai sintaksis bahasa Arab.

Bil	Buku kerja	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat membantu	32	32%
2	Membantu	61	61%
3	Tidak membantu	5	5%
4	Amat tidak membantu	2	2%
	Jumlah	100	100%

Jadual 81 menunjukkan taburan seramai 32 subjek (32%) mengatakan bahawa penggunaan buku kerja amat membantu murid menguasai sintaksis bahasa Arab, 61 subjek (61%) mengatakan ianya membantu, 5 subjek (5%) mengatakan tidak membantu dan seramai 7 subjek (7%) berpendapat amat tidak membantu.

Jadual 82. Taburan subjek mengikut penggunaan bahan pengajaran oleh guru berupaya menarik minat murid.

Bil	Bahan pengajaran	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat menarik minat	34	34%
2	Menarik minat	58	58%
3	Tidak menarik minat	8	8%
	Jumlah	100	100%

Jadual 82 menunjukkan taburan seramai 34 subjek (34%) menyatakan bahawa penggunaan bahan pengajaran oleh guru amat menarik minat mereka terhadap pengajaran sintaksis bahasa Arab, seramai 58 subjek (58%) menyatakan bahawa bahan pengajaran berupaya menarik minat murid dan seramai 8 subjek (8%) mengatakan tidak menarik minat. Penulis melihat fenomena ketidakberkesanan penggunaan bahan pengajian berlaku kepada segelintir pelajar yang sudah tidak berminat dengan bahasa Arab.

Jadual 83. Taburan subjek mengikut kesesuaian bahan pengajaran dengan tahap pemikiran murid.

Bil	Tahap pemikiran	Bil. Subjek	Peratus
1	Amat sesuai	23	23%
2	Sesuai	68	68%
3	Tidak sesuai	9	9%
	Jumlah	100	100%

Jadual 83 menunjukkan taburan seramai 23 subjek (23%) menyatakan bahan yang dipaparkan dalam buku teks adalah sesuai dengan tahap pemikiran mereka, seramai 68 subjek (68%) mengatakan hanya bersesuaian dan 9 subjek (9%) mengatakan bahawa paparan bahan pengajaran buku teks tidak sesuai dengan tahap pemikiran mereka. Penulis melihat perkara ini berlaku kerana ada sebilangan pelajar yang mempunyai keupayaan memahami ilmu sintaksis dengan baik dan mereka memiliki pengetahuan am mengenai sintaksis bahasa Arab yang baik berbanding sebilangan pelajar yang lemah dalam penguasaan ilmu sintaksis bahasa Arab.

Jadual 84. Taburan subjek mengikut tajuk dan isi kandungan bertepatan dengan realiti kehidupan murid.

Bil	Isi kandungan	Bil. Subjek	Peratus
1	Kebanyakan	38	38%
2	Sebahagian	62	62%
	Jumlah	100	100%

Jadual 84 menunjukkan taburan seramai 38 subjek (38%) mengatakan kebanyakan bahawa bahan sintaksis bahasa Arab yang dimuatkan dalam buku teks kebanyakannya menepati realiti kehidupan mereka dan seramai 62 subjek (62%) mengatakan sebahagian sahaja isi kandungan yang menepati realiti kehidupan mereka. Dalam hal ini, penulis melihat sebahagian bahan atau isi kandungan yang dimuatkan dalam buku teks adalah berkaitan secara langsung dengan realiti kehidupan dan budaya orang Arab yang bertujuan untuk mendedahkan budaya dan kehidupan bangsa Arab kepada pelajar.

Jadual 85. Taburan pilihan subjek mengikut masalah utama sintaksis bahasa Arab (Subjek dibenarkan memilih lebih dari satu jawapan).

Bil	Masalah utama	Pilihan permasalahan	Peratus
1	Membaca teks	21	14.8%
2	Penulisan	49	34.5%
3	Pemahaman kaedah	40	28.2%
4	Mengingat	21	14.8%
5	Membuat contoh	11	7.7%

Jadual 85 menunjukkan taburan permasalahan utama subjek dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu sintaksis bahasa Arab ialah masalah penulisan yang mewakili 49 subjek (34.5%) diikuti oleh masalah pemahaman kaedah seramai 40 subjek (28.2%), masalah membaca teks seramai 21 subjek (14.8%), masalah mengingat seramai 21 subjek (14.8%) dan masalah membuat contoh 11 subjek (7.7%). Penulis berpendapat, masalah ini berlaku kerana penulisan merupakan satu proses aplikasi menggabungkan seluruh tajuk-tajuk sintaksis yang telah dipelajari, terutamanya bagi menghasilkan satu gaya penulisan yang baik.

Jadual 86. Taburan pilihan mengikut sebab-sebab mendorong minat subjek kepada metod pengajaran guru Arab (Subjek dibenarkan memilih lebih dari satu jawapan).

Bil	Sebab-sebab	Pilihan sebab	Peratus
1	Personaliti guru	18	13.04%
2	Pendekatan guru	39	28.26%
3	Penjelasan guru	69	50%
4	Sebab-sebab lain	12	8.69%

Jadual 86 menunjukkan sebab-sebab utama yang mendorong subjek meminati pengajaran dan pembelajaran sintaksis bahasa Arab ialah faktor penjelasan dan huraian daripada guru di mana 69 subjek (50%) telah memilih faktor tersebut dan diikuti dengan faktor kedua iaitu pendekatan (approach) yang diamalkan oleh guru mewakili 39 pilihan (28.26%), personaliti guru seramai 18 subjek (13.04%) dan sebab-sebab lain seramai 12 subjek (8.6%).

Jadual 87. Taburan pilihan subjek mengikut jenis bahan tambahan pembelajaran sintaksis bahasa Arab (Subjek dibenarkan memilih lebih dari satu jawapan).

Bil	Bahan pengajaran tambahan	Pilihan bahan	Peratus
1	Buku kerja	57	46.34%
2	Nota guru	44	35.77%
3	Nota sendiri	22	17.88%

Jadual 87 menunjukkan taburan subjek seramai 57 (46.34%) mempunyai buku kerja, manakala seramai 44 subjek (35.77%) mempunyai nota guru dan seramai 22 subjek (17.88%) mempunyai nota sendiri.

4.6.3 Temubual.

Penulis telah menjalankan proses interview kepada guru-guru bahasa Arab dan sebahagian daripada para pelajar. Soal selidik secara temubual ini telah dijalankan secara formal dan informal yang menjurus kepada permasalahan yang dihadapi oleh subjek ketika proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Temubual tersebut dikategorikan kepada dua rumusan yang berikut:

- a. Rumusan Temubual Guru
- b. Rumusan Temubual Pelajar

Kedua-dua rumusan temubual tersebut dijelaskan seperti berikut:

a. Rumusan Temubual Guru

Konklusi dari temubual yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Sebahagian pelajar tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran ketika guru mengajar, mengantuk dan mereka tidak serius mempelajari bahasa Arab.
- ii. Sebahagian pelajar beranggapan bahawa matapelajaran bahasa Arab merupakan satu matapelajaran yang amat sukar untuk dikuasai dengan baik oleh mereka berbanding matapelajaran yang lain.
- iii. Guru-guru menghadapi kekurangan Bahan Bantu Mengajar (B.B.M) sama ada berbentuk media elektronik atau cetak. Perkara ini mendorong kepada ketidaklancaran proses pengajaran.
- iv. Pengajaran nahu bagi matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi (B.A.K) tidak metitikberatkan dan memberi impak negatif kepada para pelajar, di mana sukar bagi mereka untuk mengaplikasi kemahiran ilmu nahu di dalam pembinaan ayat atau insyak. Oleh itu, walaupun mereka boleh bertutur dan menulis karangan dalam bahasa Arab, tetapi peratus kesalahan nahu amat tinggi.
- v. Guru-guru menghadapi masalah kekurangan kemahiran I.C.T. untuk diaplikasi dalam pengajaran mereka. Selain dari kekurangan B.B.M. tahap

I.C.T. dan kedangkalan Kemahiran I.C.T. turut memberi impak negatif untuk merealisasikan Pengajaran dan Pembelajaran Bestari.

- vi. Kebanyakan guru lebih bergantung kepada buku teks yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau J.A.I.S. ketika mengajar di dalam kelas.
- vii. Sebahagian guru menghadapi kekangan masa di mana mereka dibebankan dengan tugas-tugas sampingan selain dari tugas asasi seperti menjadi penyelaras sukan, keceriaan kawasan sekolah, warden asrama dan sebagainya.
- viii. Sebahagian guru khusus kelas-kelas yang menghadapi peperiksaan utama seperti PMR, SMA dan SPM menghadapi masalah kekurangan masa mengajar.

b. Rumusan Temubual Pelajar.

Konklusi dari temubual yang dijalankan terhadap pelajar adalah seperti berikut:

- i. Sebahagian besar pelajar berminat dengan mata pelajaran bahasa Arab secara amnya dan ilmu sintaksis bahasa Arab secara spesifik, namun mereka dibebankan dengan topik-topik pelajaran bahasa Arab yang terlalu banyak.

- ii. Kebanyakan pelajar mengatakan bahawa guru bahasa Arab kurang mengajar kosa kata yang memberi kesan positif kepada penguasaan ilmu sintaksis bahasa Arab dengan baik. Oleh itu, mereka menyarankan agar guru memulakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan memberi beberapa contoh kosa kata seerti dan berlawan.
- iii. Sebahagian pelajar menghadapi masalah untuk mengingat fakta-fakta sintaksis bahasa Arab yang telah diajar oleh guru sama ada di dalam kelas atau luar kelas.
- iv. Sebahagian pelajar tidak dapat memahami sesuatu topik sintaksis bahasa Arab dengan baik disebabkan guru menjelaskan dengan cepat, penjelasan yang kurang mantap atau suara guru agak perlahan.
- v. Sebahagian subjek terdapat guru yang kurang mempunyai daya tarikan terhadap pelajar ketika mengajar ilmu sintaksis bahasa Arab dan ini memberi kesan negatif kepada diri mereka untuk menguasai dengan baik matapelajaran tersebut untuk menguatkan yang diajar sebut.
- vi. Kekurangan latihan tubi nahu bahasa Arab dan terdapat sebahagian dari latihan mereka yang tidak disemak oleh guru. Ini menjadikan pelajar tidak dapat mengetahui kesalahan dan kelemahan mereka secara spesifik dan merasa kecewa kerana hasil kerja mereka tidak dinilai dengan sewajarnya.

- vii. Sebahagian pelajar mengatakan bahawa mereka kekurangan pendedahan kepada format peperiksaan PMR, SMA dan SPM yang sebenar dari bentuk soalan dan skema jawapan.
- viii. Sebahagian pelajar mengatakan guru kurang mengadakan sesi perbincangan dengan mereka ketika menjalankan proses pengajaran dan dalam erti kata lain pengajaran sehalu.
- ix. Sebahagian pelajar mengatakan kekurangan Bahan Bantu Mengajar (B.B.M) yang diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya B.B.M. berbentuk I.C.T.
- x. Sebahagian pelajar mendapati guru yang sibuk dengan tugas sampingan berbanding dengan mengajar. Ini menjejaskan kualiti pengajaran mereka mengenai ilmu sintaksis bahasa Arab.
- xi. Sebahagian pelajar menghadapi masalah mengantuk dan keletihan ketika guru mengajar, disebabkan oleh masa pengajaran bahasa Arab kebanyakannya diadakan pada waktu selepas rehat dan waktu akhir pengajaran.

4.6.4 Keputusan Peperiksaan.

Penulis telah berusaha mendapatkan dan mengumpulkan maklumat-maklumat yang diperlukan daripada pihak tertentu seperti Guru Penolong Kanan 1(G.P.K), Guru Hal

Ehwal Pelajar (H.E.P), Penyelaras Peperiksaan S.M.A, Ketua Panitia Bahasa Arab, Setiausha Kurikulum dan Setiausha Peperikasaan. Penulis telah membuat analisis berkaitan dengan keputusan Peperiksaan Percubaan P.M.R, Peperiksaan S.M.A dan S.P.M. Untuk peperiksaan S.M.A. Penulis telah mengambil data asli daripada pihak J.A.I.S. dan telah membuat analisis jumlah calon dan peratusnya satu demi satu, kerana ketiadaan data lengkap mengenainya.

Di bawah ini dinyatakan statistik perbandingan keputusan bagi Peperiksaan – Peperiksaan Dalam dan Luaran 2002 dan 2003.¹²⁴

Jadual 88. Taburan Bilangan Calon bagi Pep. Percubaan S.P.M.

Tahun 2002-2003

Bil	Keputusan									Jumlah
Gred	1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	
2002	4	27	35	42	53	23	16	3	4	207
2003	4	19	19	34	39	37	22	8	4	186
Jumlah	8	46	54	76	92	60	38	11	8	393

Jadual 88 menunjukkan perbandingan bilangan calon Peperiksaan Percubaan S.P.M di. mana gred 5C mencatatkan bilangan tertinggi, iaitu seramai 92 calon diikuti dengan 4B seramai 76 calon, gred 6C seramai 60 calon, gred 2A seramai 46 calon, gred 7D seramai 38 calon, gred 8E seramai 8 calon, gred 9G seramai 8 calon dan gred 1A seramai 8 calon.

¹²⁴ Fail Panitia Bahasa Arab S.A.M. Bestari JAIS:2003.

Jadual 89. Taburan Subjek Mengikut Peratus Keputusan Pep. Percubaan S.P.M.

Tahun 2002-2003

Bil	Keputusan									Jumlah
Gred	1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	
2002	1.9	13	16.9	20.3	25.6	11.1	7.7	8	1.9	100%
2003	2.2	10.2	10.2	18.3	21	19.9	11.8	4.3	2.15	100%

Jadual 88 dan 89 menunjukkan jumlah calon dan peratus pencapaian pelajar mengikut gred di dalam Peperiksaan Percubaan SPM 2002-2003. Secara keseluruhannya yang mendapat Gred 1A dan 2A seramai 54 (13.7%) subjek, gred 3B dan 4B seramai 130 (33.1%) subjek, gred 5C dan 6C seramai 152 (38.7%) subjek, gred 7D seramai 38 (9.6%) subjek, gred 8E seramai 11 (2.8%) subjek dan gred 9G seramai 8 (2.03%) subjek. Ini menunjukkan masih terdapat calon yang gagal, bermakna secara amnya ada di antara calon yang belum dapat menguasai pengajaran bahasa Arab dengan baik.

Jadual 90. Taburan Subjek mengikut Jumlah Calon Peperiksaan S.P.M.

Tahun 1999-2002.

Bil	Keputusan									Jumlah
Gred	1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	
1999	8	23	34	54	55	44	45	12	2	278
2000	29	25	38	30	44	12	7	0	0	185
2001	9	31	64	34	24	22	8	2	1	195
2002	1	15	79	65	32	12	7	3	0	206
Jumlah	38	94	215	183	155	90	67	17	3	864

Jadual 91.

Taburan Subjek Mengikut Perbandingan Peratus bagi
Keputusan Peperiksaan S.P.M. 1999-2002.

Bil	Keputusan									Jumlah
Gred	1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	
1999	2.9	8.3	12.2	19.4	19.8	15.8	16.2	4.3	0.7	100
2000	15.7	13.5	20.5	16.2	23.8	6.5	3.8	0	0	100
2001	4.6	15.9	32.8	17.4	12.3	11.3	4.1	1	0.5	100
2002	0.5	7.3	38.3	31.6	15.5	5.8	3.4	1.5	0	100

Jadual 90 dan 91 menunjukkan perbandingan taburan subjek mengikut jumlah calon dan peratus, yang mana secara keseluruhannya penguasaan pelajar terhadap pengajaran bahasa Arab belum mencapai tahap yang membanggakan. Pencapaian mereka bagi empat tahun berturut-turut adalah sederhana dan tidak memberangsangkan, iaitu gred 1A dan 2A seramai 141 calon (16.3%) subjek sahaja, gred 3B dan 4B seramai 400 calon (46.3%), gred 5C dan 6C seramai 67 calon (18.2%) dan gred 8E dan 9G seramai 20 calon (2.3%).

Keputusan Peperiksaan P.M.R. tidak dapat dibuat analisis perbandingan keputusan peperiksaan kerana calon-calon Peperiksaan P.M.R. di Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S. mula menduduki peperiksaan tersebut pada tahun 2002. Dengan itu penulis telah mengambil keputusan Peperiksaan Percubaan P.M.R. tahun 2002 sahaja untuk dijadikan bahan analisis.

Di bawah ini dinyatakan perbandingan keputusan Peperiksaan Percubaan P.M.R. bagi tahun 2002, iaitu:

Jadual 92. Taburan Subjek Mengikut Keputusan Pep.Percubaan P.M.R.
tahun 2002.

Bil	Keputusan					
Gred	A	B	C	D	E	Jumlah
Percubaan X I 2002	44	21	1	0	0	66
Percubaan X II 2002	43	20	1	2	0	66
Perbezaan	-1	-1	0	-2	0	

Jadual 92 menunjukkan perbandingan keputusan Pep. Percubaan P.M.R. tahun 2002, yang mana gred A menunjukkan penurunan jumlah dari 44 kepada 43 calon, gred B juga memaparkan penurunan jumlah calon dari 21 kepada 20 calon, gred C pula kekal satu calon dang red D mengalami penurunan dari 0 kepada 2 calon dang red E tiada sebarang perubahan.

Jadual 93. Taburan Subjek Mengikut Peratus bagi Keputusan Peperiksaan
Percubaan P.M.R.tahun 2002.

Bil	Keputusan					
Gred	A	B	C	D	E	Jumlah
Percubaan X I 2002	66.7	31.8	1.5	0	0	100
Percubaan XII 2002	65.2	30.3	1.5	3.0	0	100
Perbandingan	-1.5	-1.5	0	3.0	0	

Jadual 93 menunjukkan berlaku kemerosotan pada gred A sebanyak (1.5%), gred B sebanyak (1.5%), gred D meningkat sebanyak (3.0%), manakala gred C tiada peningkatan dan tetap pada (1.5%) dan gred E tiada sebarang perubahan.

Jadual 92 dan 93 menunjukkan bahawa pencapaian calon pada keseluruhannya berada di tahap yang memuaskan. Sebahagian besar daripada mereka mendapat gred A dan tiada calon yang gagal.

Bagi Peperiksaan Sijil Menengah Agama (S.M.A), pengkaji membuat perbandingan keputusan peperiksaan S.M.A. Kertas 1 (nahu & sarf) untuk tiga tahun (1999 - 2002), iaitu seperti berikut :

Jadual 94. Taburan Subjek mengikut Keputusan Pep. S.M.A. 1999-2002.

Bil	Keputusan					
Gred	Mumtaz	Jayyid Jiddan	Jayyid	Maqbul	Dhaif Jiddan	Jumlah
1999	3	72	61	18	0	154
2001	33	79	38	8	0	158
2002	51	77	52	8	0	168
Jumlah	87	228	151	34	0	480

Jadual 94 menunjukkan Jayyid Jiddan mencatatkan keputusan tertinggi, iaitu seramai 228 calon diikuti dengan Jayyid seramai 151 calon, Mumtaz seramai 87 calon dan Maqbul 34 calon.

Jadual 95. Taburan Subjek mengikut Peratus bagi Keputusan
Pep. S.M.A.1999-2002.

Bil	Keputusan					
Gred	Mumtaz	Jayyid Jiddan	Jayyid	Maqbul	Dhaif Jiddan	Jumlah Lulus
1999	1.9	46.8	39.8	11.9	0	100%
2001	20.9	50	24.1	5.1	0	100%
2002	30.4	45.8	40	4.8	0	100%

Jadual 94 dan 95 menunjukkan analisis di atas menunjukkan bahawa pencapaian pelajar dalam tempuh tiga tahun 1999-2002 berada di tahap memuaskan, iaitu seramai 87 (18.1%) subjek mendapat Mumtaz, seramai 228 (47.5%) mendapat Jayyid Jiddan, seramai 151(31.5%) mendapat pangkat Jayyid dan 34 (7.1%) orang pelajar mendapat Maqbul dan tiada seorang pelajar pun yang gagal.